



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGALKETIGA

Third Session

Jilid III Bil. 16

hari Selasa

12hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan)

(Ruangan 37)

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan)

(Ruangan 83)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 12hb Disember, 1989****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]****JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****AIDS - LANGKAH MENGESAN/PENCEGAHAN**

1. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) sehingga 1.7.89 sejumlah 8 kes AIDS telah dikesan dan seterusnya disahkan di seluruh negara. Berapa ramaikan pesakit AIDS dalam negara dari tarikh tersebut hingga kini;
- (b) bagaimanakah pesakit ini dapat dikesan; adakah ia mohon diperiksa atau diragui pemeriksaan dijalankan; dan
- (c) apakah langkah pencegahan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

14.12.89

23. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap pelancong-pelancong luar negeri yang datang ke Malaysia supaya tidak membawa penyakit AIDS. Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang meninggal dunia akibat AIDS.

15.12.89

22. **Puan Noraini binti Haji Beluah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi menyekat dari merebaknya penyakit AIDS yang mula hendak meluas di negara Malaysia sekarang ini;
- (b) berapa ramaikah pesakit AIDS yang sedang mendapat rawatan dan berapa yang telah meninggal dunia;

20.12.89

25. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan wabak AIDS semasa di Malaysia dan dari jumlah yang dikenalpasti, berapa ramaikah wanita yang terlibat.

22.12.89

5. **Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah dan peratusan mengikut kaum pelajar-pelajar di Malaysia dan di seberang laut yang mengidap penyakit AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, pada sidang mesyuarat Dewan Negara kali ini terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan penyakit AIDS seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim. Mereka ialah:

(1) Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd.

Salleh pada 14.12.1989.

(2) Yang Berhormat Puan Norani binti Haji Beluah pada 15.12.1989.

(3) Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 20.12.1989.

(4) Yang Berhormat Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff pada 22.12.1989.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, AIDS adalah satu penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman yang dipanggil "Human Immunodeficiency Virus" (HIV) atau kuman AIDS. Penyakit ini melumpuhkan keupayaan semulajadi badan di dalam melawan penyakit. Dengan lumpuhnya keupayaan ini, mereka yang dijangkiti kuman AIDS akan terdedah kepada jangkitan beberapa jenis kuman yang biasanya tidak membahayakan dan mengalami beberapa jenis barah yang biasanya jarang berlaku. Penyakit AIDS ini boleh dijangkiti melalui tiga cara sahaja, iaitu:-

- (1) melalui hubungan seks vaginal or anal dan seseorang yang telahpun dijangkiti oleh kuman AIDS;
- (2) melalui darah yang telah tercemar dengan kuman AIDS; dan
- (3) dari ibu yang telah dijangkiti oleh kuman AIDS kepada bayinya semasa mengandung.

Jangkitan dengan kuman AIDS boleh berlaku melalui hubungan seks antara dua orang lelaki (homosexual) atauapun antara lelaki dan perempuan (heterosexual), jika seorang daripada pasangan itu adalah kes atau pembawa AIDS.

Jangkitan dengan kuman AIDS melalui darah boleh berlaku apabila seseorang itu berkongsi menggunakan jarum suntikan seperti di kalangan penagih-penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan atau melalui pemindahan darah yang telah tercemar dengan kuman AIDS.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 11 kes AIDS telahpun dikesan dan 8 daripadanya telahpun meninggal dunia tetapi banyak lagi yang pembawa kuman ini ataupun HIV cases, dengan izin, dan seorang daripada 11 kes itu adalah seorang wanita.

Setakat ini, Kementerian Kesihatan tidak menerima apa-apa laporan mengenai pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut yang dikesan mengidap penyakit AIDS. Semua kes-kes ini dikesan melalui pemeriksaan darah yang dibuat di hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telahpun mengambil tindakan untuk mencegah merebaknya penyakit AIDS ke seluruh negara. Antara tindakan-tindakan ini ialah:

- (1) Memberi maklumat dan pendidikan kesihatan dengan secukup-cukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit-pesakit AIDS tentang cara-cara penyakit AIDS merebak dan bagaimana untuk mencegah merebaknya penyakit itu.
- (2) Mempastikan serua darah dan hasil-hasil darah (blood products) yang digunakan adalah selamat dan bebas dari kuman AIDS.
- (3) Tidak menerima pendermaan darah daripada mereka yang berisiko tinggi seperti golongan homoseks, penagih dadah dan pelacur.
- (4) Memberi rawatan perubatan termasuk kaunseling kepada semua mereka yang dijangkiti kuman AIDS.
- (5) Mejalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan berkenaan dengan penyakit AIDS, bagaimana penyakit ini merebak dan cara-cara mengawalnya daripada merebak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan pemeriksaan darah bagi orang ramai terutama golongan berisiko tinggi dengan kerjasama dan sokongan mereka. Pemeriksaan ini dijalankan ke atas penagih dadah dan banduan yang menagih dadah yang menggunakan jarum suntikan, pelacur-pelacur, di semua pusat-pusat Rawatan dan Pemulihan Dadah, Penjara dan juga di klinik-klinik di hospital jika terdapat mereka yang disyaki terdedah kepada penyakit AIDS. Kementerian Kesihatan juga menggalakkan mereka yang berisiko tinggi atau yang mengesyaki diri mereka mungkin terdedah kepada jangkitan kuman AIDS, supaya menjalani ujian darah untuk mengesan penyakit AIDS.

Rakyat Malaysia telah diberi makluman mengenai cara-cara jangkitan dan penularan penyakit ini. Mereka juga sentiasa dinasihatkan untuk mengelak daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang mendedahkan mereka kepada jangkitan AIDS. Antara nasihat-nasihat yang diberi adalah bahawa mereka mengelakkan daripada hubungan seks dengan mereka yang berisiko tinggi termasuk pelacur dan homoseksual.

Mungkin sebagai garispanduan ada beberapa "practices" ataupun "unsafe sexual practices" yang tidak digalakkan dilakukan oleh orang ramai. Dengan izin, saya ingin menyentuhnya dalam bahasa Inggeris:

- (i) anal sexual without condom, active or passive;
- (ii) manual anal intercourse or fating;
- (iii) oral genital sex involving contact with semen or vaginal secretions;
- (iv) oral anal sex;
- (v) vaginal intercourse without condom;
- (vi) sharing of sex toys;
- (vii) using of saliva as lubricant; and
- (viii) blood contact of any kind, including menstrual blood".

Ini adalah "unsafe sexual practices" yang celah diturunkan daripada badan-badan tertentu termasuk WHO supaya mengelakkan orang melakukan perbuatan-perbuatan yang telahpun saya sebutkan tadi untuk mengelakkan penyakit-penyakit ini terjangkit kepada orang ramai.

Adalah perlu, setiap individu memastikan perhubungan seks yang selamat. Ini boleh dilakukan dengan hanya mempunyai pasangan seks yang tetap.

Selain daripada itu, individu-individu yang berkaitan dengan cara hidup yang boleh mendedahkan diri mereka kepada jangkitan virus AIDS perlu menukar cara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, buat pada masa ini Kementerian-Kesihatan tidak bercadang untuk mewajibkan pemeriksaan darah terhadap semua pelancong-pelancong. Tindakan seperti ini adalah tidak berkesan dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri telahpun menekankan bahawa cara yang paling berkesan sekali untuk mencegah kemasukan dan merebaknya penyakit AIDS di satu-satu negara ialah melalui pelajaran kesihatan tentang cara-cara jangkitan penyakit AIDS ini, dan juga untuk menentukan bahawa darah atau basil darah yang didapati di dalam negeri ataupun yang diimport daripada luar negeri untuk kegunaan pesakit-pesakit adalah bebas daripada kuman AIDS. Tindakan-tindakan yang disyorkan oleh WHO itu telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah implikasi terhadap sambutan pesakit melaku diri atau reaksi pelancong ke negara ini setelah pengumuman tentang terdapatnya penyakit AIDS ini dibuat oleh Yang Berhormat pada sedikit masa yang lalu?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut angka-angka yang kita ada seperti yang saya telah mengumumkan bahawa penyakit AIDS ini masih kurang jika dibandingkan dengan negara-negara yang berjiran dengan kita, termasuk mungkin Australia dan juga Amerika Syarikat. Oleh kerana kita rasa bahawa bilangan penyakit AIDS di Malaysia ini masih kurang tetapi bahayanya begitu besar dan takut-takut ini akan merebak ke seluruh negara tanpa diberi amaran lebih awal, oleh kerana itu maka Kementerian Kesihatan telahpun mengambil tindakan awal untuk mencegah penyakit ini dari merebak daripada angka yang ada sekarang. Kita mengamalkan pendekatan "precaution" ataupun "prevention is better than cure" sebab kita tahu bahawa jika seseorang terkena penyakit **ini**, hasilnya ialah dia tetap akan mati apabila "wasting" berlaku ke atas diri sendiri, dengan izin. Oleh kerana itu mereka dalam pengumuman baru-baru yang kita telahpun menyatakan dengan tegas bahawa langkah yang kita telah ambil ini adalah langkah yang sebaik-baiknya. Dan seperti yang saya katakan tadi, seperti juga "recommendation" dari-pada WHO, cara yang sebaik-baiknya ialah unbuk menentukan bahawa orang ramai mendapat maklumat yang cukup berkenaan dengan merbahaya penyakit AIDS **ini**.

Kita berasa amat puas hati pada ketika ini dengan kesedaran orang ramai tentang bahayanya penyakit ini dan oleh kerana itu maka kita telah mendapat banyak pertanyaan-pertanyaan dan juga persoalan-persoalan bagaimana penyakit ini dapat dijangkiti dan bagaimana dapat dicegah.

Untuk makluman Ahii-ahli Yang Berhormat, banyak jangkaan kepercayaan karut telah timbulah daripada penyakit ini. Kononnya, jika seorang yang makan daripada pinggan seorang penyakit AIDS mungkin terjangkit penyakit AIDS itu. Maklumat yang kita ada seseorang yang makan ataupun cium "casually" tidak akan terjangkit penyakit itu. Jika sekiranya ia melakukan ciuman secara dalaman ataupun "very deep kissing" yang menimbulkan pendarahan mungkin penyakit ini boleh berjangkit melalui darah bukan melalui "kissing" tadi itu. Oleh kerana itu maka tindakan setakat ini yang patut diambil telahpun diambil oleh Kementerian dan kita sekarang ini ada "monitoring system". Alhamdullilah setakat ini baru ada 11 kes - 8 telah mati, tinggalkan tiga lagi. Terima kasih.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab sangat merbahayanya penyakit AIDS **ini**, adakah rancangan bagi Kerajaan supaya mengesahkan, dengan izin, "prostitution" supaya pelacur-pelacur itu dapat didaftarkan dan diperiksa dengan teliti?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama-nya, kita tidak pernah menghalalkan pelacuran. Bagaimanakah kita hendak mengenalkan seseorang itu pelacur atau tidak melainkan orang yang tahu di mana pelacur itu terdapat. **[Ketawa]** Oleh kerana itu maka kita tidak ada dasar yang boleh membenarkan kita memisahkan pelacur sebab tentu sekali kalau sekiranya kita mendattarkar pelacur, ini akan disalah tafsir nanti, mungkin kita disalahtafsirkan sebagai menghalalkan pelacuran pula. Tetapi cara yang patut saya tekankan di sini ialah sebaik-baiknya supaya kita menghindarkan diri daripada melawat tempat-tempat ataupun mempunyai hubungan-hubungan seks ataupun hubungan-hubungan lain dengan orang-orang yang berisiko tinggi, termasuk pelacur. Pemisahan bukan satu jawapan

yang mutlak. Banyak negara-negara yang telahpun menjalankan pemisahan ini tidak mencatatkan kejayaan yang tinggi. Malah ia menimbulkan masalah baru pula, masalah di mana seseorang yang kanak-kanak kecil yang tidak bersalah, seseorang haemophiliac misalannya, yang terjangkit penyakit itu melalui ibunya dipisahkan daripada masyarakat. Dia tidak berdosa. Oleh kerana itu maka kita tidak ada dasar demikian dan "experience" daripada negara-negara yang telahpun mengadakan 'quarantine' ataupun pemisahan sedemikian telahpun menimbulkan satu gelagat yang amat ketara di kalangan masyarakat di negara-negara itu dan sekarang ini ada tekanan-tekanan supaya tidak ada pemisahan yang sedemikian. Isolation is no definite answer towards solving the problem of AIDS, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi soalan. Sila Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah ahli-ahli sains telahpun berjaya mencari ubat untuk mencegah AIDS?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada ubat yang dijumpai untuk mengubati AIDS tetapi ahli-ahli sains telahpun terjumpa sejenis ubat yang boleh melambatkan 'the process of wasting' AIDS tadi yang bernama 'Ezecty'. Tetapi setakat ini seperti yang telah saya umumkan baru-baru ini untuk mengubati seseorang itu mengambil belanja hampir \$250 ribu daripada dia kena penyakit itu sampai dia mati, daripada \$80 ribu sampai \$250 ribu. Maknanya ubat ini cukup mahal dan seelok-eloknya kita sebagai Ahli Dewan Negara, go out, dengan izin, untuk kempen supaya kita mengelakkan berkelakuan yang boleh mendatangkan penyakit AIDS kepada diri kita, anak kita dan mungkin zuriat kita.

KWSP - KADAR CARUMAN

2. Tuan G. Sajoo minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda peraturan untuk menambahkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi majikan dan pekerja yang pada masa ini ditetapkan dengan kadar 11% dan 9% masing-masing. Jika ya, bila dan apakah penambahannya. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk menambah kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kadar yang dikenakan sekarang iaitu 11% untuk majikan dan 9% untuk pekerja adalah memadai.

TADIKA KEMAS

3. Tuan V.K. Sellapan minta Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki perlaksanaan Rancangan Tadika Kemas di estet-estet.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Taman Bimbingan Kanak-kanak/Tadika ditubuhkan adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan pra-sekolah kepada kanak-kanak luar bandar yang berumur 4 hingga 6 tahun bagi menggalakkan perkembangan fizikal, emosi, intelek, rohani dan sosial. Ia memberi penekanan kepada aspek 3M. Program ini meliputi kawasan luar bandar termasuklah estet-estet dan kawasan-kawasan bandar yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, program TBK/Tadika ini dilaksanakan mengikut keperluan di sesuatu kawasan itu.

Kerajaan senantiasa memberi perhatian untuk membaiki lagi perlaksanaan kelas TBK/Tadika dari masa ke semasa. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membaiki kelas-kelas ini ialah:-

- (i) melengkapkan semua kelas dengan alat-alat permainan asas;
- (ii) melengkapkan kelas dengan bilik air dan tandas yang sempurna;

- (iii) menambah pemberian minuman susu tepung kepada kanak-kanak dari 3 kali seminggu kepada tiap-tiap hari bersekolah; dan
- (iv) menambah bekalan makanan yang berzat kepada kanak-kanak.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana sambutan kaum-kaum lain selain daripada kaum Melayu terhadap kelas Tadika yang.. diadakan di kawasan luar bandar?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 36 buah kelas tadika di kawasan-kawasan estet.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya luar sedikit, tidak ada kaitan dengan Kementerian tetapi berhubung dengan tadika kerana kita tahu sekarang ini begitu banyak tadika swasta yang tidak diawasi sama sekali oleh pihak Kerajaan. Jadi soalannya adakah Kerajaan akan bertindak segera untuk melakukan pengawalan yang lebih ketat supaya tidak berlakunya penyelewengan ataupun salah asuhan dalam sistem pendidikan di peringkat tadika dan juga taman asuhan umpamanya di gereja-gereja.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mobd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi kelas-kelas tadika yang dianjurkan oleh KEMAS kita memang ada 'syllabus-syllabus' yang tertentu yang telahpun diputuskan oleh Kementerian. Bagaimanapun, bagi kelas-kelas tadika yang bukan dianjurkan oleh KEMAS, saya merasakan bahawa ini terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Pendidikan dan kemungkinan jika ianya di bawah anjuran Jabatan Agara Islam Negeri dan sebagainya maka ia terletak di bawah badan-badan yang berkenaan.

PENCEMARAN ALAM DI DAERAH BENTONG

4. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan dan perancangan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mempastikan tidak ada berlakunya pencemaran alam di daerah Bentong kerana kawasan perindustrian yang ada di daerah ini telah mula membangun.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa masalah alam sekitar tidak berlaku di kawasan-kawasan perindustrian termasuk daerah Bentong ialah:

- (i) menilai industri-industri yang dicadangkan melalui proses penilaian hawa ke atas kesesuaian tempat yang dicadangkan.
- (ii) menentukan langkah-langkah kawalan pencemaran digabungkan di dalam pelan pembangunan kilang; dan
- (iii) menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa syarat-syarat alam sekitar dipatuhi.

KEINDAHAN KUALA LUMPUR

5. **Puan Law Jack Yoon** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) selepas mengindahkan K.L untuk CHOGM, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk mengendali dan menjaga kebersihan dan keindahan K.L sebagai ibukota kita; dan

- (b) adakah sebarang rancangan disusunkan untuk melanjutkan kempen mengindah dan menjaga kebersihan kawasan-kawasan di pinggir bandaraya K.L misalnya Jalan Kelang Lama, Sentul, Gombak dan beberapa tempat di K.L yang masih belum dibuat semasa CHOGM.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs Sulaiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pengindahan dan kebersihan akan hanya memberi makna serta mencapai matlamatnya jikalau ia terus dijaga dan diselenggarakan dengan baik. Prinsip ini merupakan teras panduan yang diamalkan bagi mana-mana kerja pengindahan dan kebersihan yang dijalankan di Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diminta memberi perhatian utama berhubung dengan penjagaan dan penyelenggaraan mana-mana kawasan seperti di Kuala Lumpur supaya keadaannya sentiasa kelihatan bersih dan indah.

Dalam konteks pengindahan bandaraya Kuala Lumpur Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus menjalankan kempen mengindahkan bandaraya Kuala Lumpur ini. Kerja-kerja pengindahan akan diperluaskan ke kawasan-kawasan jalan utama yang masih belum diberi cukup perhatian, termasuklah di Jalan Kelang Lama, Jalan Sentul, Jalan Gombak dan lain-lain lagi. Rancangan ini akan

dilaksanakan secara , berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan kewangan serta adanya ruang-ruang tanaman untuk ditanam dengan pokok-pokok rimbun dan lain-lain jenis tanaman. Untuk mempercepatkan perlaksanaan ini, penyertaan dari pihak swasta dan Kerajaan dengan kerjasama orang ramai juga akan dilibatkan supaya matlamat tersebut akan tercapai dengan lebih berkesan lagi.

Berhubung dengan kerja-kerja kebersihan pula, sukalah saya ayatakan bahawa kerja-kerja ini merupakan tugas yang berterusan dan tidak khusus kepada satu-satu upacara atau tempat sahaja. Walaupun CHOGM telah tamat, dari masa ke semasa Kerajaan akan terus menjalankan dan meningkatkan kerja-kerja pembersihan dalam usaha mengekalkan tahap kebersihan yang memuaskan. Perhatian akan terus diberikan dalam aspek ini termasuklah memberish jalan-jalan raya, longkang-longkang, parit-parit, tong-tong sampah awara dan tandas-tandas awara. Begitu juga kerja-kerja yang berkaitan dengan kebersihan di kawasan pinggir bandar akan dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai Ihb Mac 1989, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menawarkan kerja-kerja pembersihan ini kepada 9 buah syarikat yang memberikan perkhidmatan mengangkat sampah dari rumah ke rumah di kawasan taman-taman perumahan. Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja telah membelanjakan kira-kira \$50 juta bagi kerja-kerja pembersihan di seluruh Kuala Lumpur. Dalam hal ini kerjasama dari orang ramai untuk mengawal kebersihan amatlah penting, di samping mereka turut sama membantu menghapuskan perbuatan merosak atau 'vandalisme'.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Latif: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

PARTI KOMUNIS MALAYA - JUMLAH ANGGOTA

6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Latif [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan ahli Parti Komunis Malaya yang masih ada di negara ini sekarang;
- (b) berapa-ramaikah pula parti Komunis Malaya yang telah menyerah diri pada pihak berkuasa negeri Thailand;
- (c) adakah Kerajaan Malaysia percaya yang PKM setelah lebih 40 tahun berusaha untuk menggulingkan Kerajaan Malaysia, sekarang pula sudah bersetuju meninggalkan perjuangan bersenjata mereka dan keluar dari hutan dekat sempadan Malaysia-Thailand, dan seterusnya mendirikan perkampungan persahabatan di Thailand; dan
- (d) sejauhmana hasilnya perbincangan Kerajaan Malaysia dengan Thailand dan PKM bagi penyelesaian ke arah menamatkan perjuangan pengganas Komunis di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) tidak ada anggota Parti Komunis Malaysia atau (PKMAL) yang masih ada di negara ini sekarang.
- (b) seramai 661 anggota Parti Komunis Malaysia telah menyerah diri kepada pihak berkuasa Thailand pada bulan Mac-dan April 1987.

Bagi soalan (c) dan (d), perkara ini tidak berbangkit lagi dengan termeterainya Perjanjian Damai bagi menamatkan perjuangan bersenjata di antara perwakilan Kerajaan Malaysia dengan pihak Parti Komunis Malaya yang ditandatangani pada 2hb Disember 1989 di Haadyai, Thailand baru-baru ini.

Puan Hajjah Habidah binti Yusof: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah Kerajaan bercadang untuk menerima ahli-ahli PKM ini balik ke kampung dan kalau tidak mengapa mereka tidak boleh diterima balik.

Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang termaterai baru-baru ini ialah perjanjian yang merupakan perjanjian damai iaitu bahawa PKM akan meletakkan senjata. Tetapi bagi perkara-perkara yang remeh temeh sepetimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu perkara ini ialah perkara yang kedua yang belum dapat kita selesaikan sehinggalah keadaan di mana mereka telah benar-benar meletakkan senjata, benar-benar bahawa mereka tahu bilangan yang hendak kembali dan sebagainya barulah kita mengetahui di manakah mereka hendak kita hantar, adakah ke kampung atau ke tempat-tempat yang bersesuaian.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan perjanjian menamatkan perjuangan bersenjata bagi komunis, adakah Kementerian Yang Berhormat akan mengkaji kemungkinan mengurangkan pasukan Polis dan pasukan keselamatan negara kita sejajar dengan aspirasi Kerajaan mengurangkan pekerja sektor awam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepetimana yang saya katakan tadi, perjanjian baru sahaja kita tandatangani. Kita belum tahu lagi tentang implikasi daripada

perkara ini dengan jelas. Setelah kita mendapat dan mengetahui dengan sebenar-benarnya keadaan setelah perjanjian ini ditandatangani dan juga segala-galanya telah diberes termasuklah perkara-perkara teknikal barulah kita dapat memikirkan apakah bentuk rupa tugas dan besarkah kecilnya pasukan Polis kita yang akan kita bentuk kelak.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri khasnya pasukan Polis yang dapat memulakan rundingan damai ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah cadangan Kerajaan menjadikan peristiwa rundingan untuk mencari jalan damai antara PKM dengan Kerajaan kita ini sebagai satu "Hari ini dalam sejarah" dan diletakkan semua bahan-bahan kenangan itu dalam Arkib Negara. Kalau ianya ada, dapat atau tidak Kerajaan sendiri mengadakan satu hari sebagai satu hari mengingati peristiwa bersejarah ini dan kita anugerahkan sebagai satu anugerah bintang pahlawan kepada mereka yang mengetuai rundingan yang pertama sekali untuk mencari jalan damai. Dan dalam pada itu, saya juga ingin menasihatkan kepada Kerajaan walaupun sudah dapat jalan damai; sebagai Ahli Dewan Negara, sebagai satu falsafah dalam bahasa orang putih saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah berdamai, pepatah berbunyi "Suspect everybody and trust nobody". Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri mengucapkan ribuan terima kasih di atas ucapan tahniah yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat

itu. Tentang cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Dalam Negeri juga pihak Kerajaan. Tentang perkara yang ketiga, pasukan Polis sentiasa berwaspada akan perkara-perkara yang boleh menjelaskan keselamatan rakyat dan negara.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Parti Komunis Malaya telah bersetuju untuk meletakkan senjata. Tetapi kita tahu aktiviti komunis ini terbahagi kepada dua. Satu, bersenjata satu lagi dengan dakyah dan propaganda. Apakah ini bermakna mereka boleh meletakkan senjata tetapi masih boleh meneruskan perjuangan mereka melalui dakyah dan propaganda ataupun perjanjian ini melibatkan kedua-dua sekali. Sebab yang ditekankan di sini meletakkan senjata tetapi tidak ada mengatakan "tutup mulut" dan tidak propaganda lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perjanjian telah termeterai antara Kerajaan Malaysia dengan PKM tetapi PKM itu sendiri adalah haram di negara kita. Dan kita tahu juga ideologi komunis ini bergerak bukan sahaja di hujung senjata tetapi juga berbagai-bagai cara. Bagi Kerajaan, ideologi komunis tetap haram di negara ini walau apa bentuk sekalipun.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan berapa ramaikah bilangan ahli PKM yang masih ditahan di bawah ISA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi ahli-ahli PKM yang telah menyerah diri dan yang berada di pusat-

pusat tahanan pada masa ini kerana kesemua bilangan yang ada di pusat tahanan pun tidak sampai 50 orang kemungkinan hanya setengah sahaja merupakan ahli-ahli PKM. Sungguhpun keseluruhan ahli PKM yang terlibat dalam perjanjian baru-baru ini ialah 1,188 orang tetapi yang ada di pusat tahanan kita tidak sampai pun antara 20 ke 30 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi. Silakan yang akhir sekali.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Saya juga ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri di atas kejayaan mengusahakan perdamaian dengan PKM. Cuma saya ingin tahu, pada pandangan Timbalan Menteri berapakah agaknya anggaran anggota pasukan keselamatan kita yang telah mati dan cedera akibat daripada pengganas komunis selama ini. Dan yang keduanya adakah dalam perjanjian damai walaupun Timbalan Menteri tadi telah menyatakan ini benda remeh temeh; tetapi soal damai, damai; soal tuntut minta maaf kena juga tuntut dan saya percaya Kerajaan akan memikirkan perkara ini sedalam-dalamnya atas beberapa orang yang telah terkorban dalam anggota keselamatan kita dan lain-lain.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat kerana saya mewakili Kementerian Dalam Negeri. Yang berjuang untuk melawan PKM ini bukan sahaja anggota Polis tetapi juga anggota tentera yang di bawah Kementerian Pertahanan. Dengan sebab itu saya mohon maaflah, dan bolehlah Yang Berhormat menulis secara rasmi perkara ini supaya dapat saya beri secara detail.

KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN

7. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebocoran/kertas-kertas soalan peperiksaan terutamanya untuk peperiksaan SPM dan STP sentiasa berulang setiap tahun. Jika sedar, apakah tindakan yang dijalankan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar terdapat kes kebocoran kertas soalan peperiksaan. Tetapi bagi peperiksaan STPM, hanya sekali sahaja berlaku kebocoran iaitu pada tahun 1983 dan tidak pada setiap tahun seperti yang didakwakan oleh Yang Berhormat. Akibat peristiwa kebocoran kertas peperiksaan itu Lembaga Peperiksaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah ini agar tidak berulang lagi. Di antara langkah-langkah yang telah kita ambil dan akan ambil ialah:

- (1) Meminda Akta Majlis di mana mereka yang didapati bersalah membocorkan soalan peperiksaan boleh dihukum tiga tahun penjara atau didenda \$10,000 atau kedua-duanya sekali. Ini bermakna mereka yang disyaki boleh ditahan oleh pihak Polis untuk siasatan tanpa waran tangkap.
- (2) Meminda proses penggubalan kertas soalan dengan menghapuskan sistem panel penaksir. Ini bertujuan supaya kita dapat mengurangkan bilangan orang yang terlibat dalam penggubalan kertas soalan itu.

- (3) Semua pihak yang terlibat dikehendaki menjalani tapisan keselamatan;
- (4) Untuk mengetatkan lagi kawalan keselamatan dengan mengadakan pengawal keselamatan yang bertugas 24 jam di samping memasang alat-alat keselamatan elektronik di Pejabat Urusetia Majlis Peperiksaan Malaysia.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mencetak kertas-kertas soalan peperikaaan SPM dan STPM dalam negeri memandangkan perbelanjaan pengurusan yang boleh dijimatkan. Kedua, menjauhkan dari masalah seperti keciciran atau kebocoran misalnya boleh berlaku.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu memang kita boleh pertimbangkan tetapi yang penting sekali ialah bukan semata-mata tempat percetakan akan mengelakan kebocoran, tetapi untuk mengurangkan kos, boleh menjadikan satu perkara yang dapat dipertimbangkan dan bila kita dapat menguruskan untuk dicetak secara tempatan dan ada kebaikannya, kita boleh memberikan pertimbangan sewajarnya,

Tuan Chan Choon Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab bagi Kementerian untuk menafikan kebocoran apabila kebocoran itu dilaporkan dan sebelum pihak polis menamatkan pemeriksannya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini cuma satu tafsiran Ahli Yang Berhormat sendiri yang menyatakan kita menafikan. Kita cuma memberi jawapan atas soalan bahawa tidaklah kita mengatakan atau menyatakan bahawa satu-satu perkara itu terjadi kalau kita belum menyiasat sepenuh-penuhnya dan kalau kita mengambil tindakan atas perkara-perkara yang begitu serius dan berasas kepada butir-butir yang tidak begitu lengkap, ini akan mengakibatkan seluruh negara dan pelajar-pelajar kita yang menduduki pemeriksaan itu. Saya boleh katakan di sini bahawa mengatakan Kementerian pada masa itu belum dapat mempastikan bukti-bukti yang jelas dan mengambil tindakan-tindakan yang akan mengakibatkan beribu-ribu orang pelajar kita, saya percaya tidak patutlah kita menyatakan bahawa Kementerian menafikan kebocoran itu.

RTM - SIARAN AGAMA

8. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada siaran agama di RTM mencapai matlamat untuk menyedarkan penonton beragama Islam supaya percaya dengan Al-Quran dan Sunnah dan beramal mengikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Jika benar, mengapa maksiat seperti penyakit AIDS terus berkembang di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa mengkaji dan mencari jalan untuk menyiaran program-program agama Islam yang bermutu tinggi dan boleh meninggalkan kesan di

kalangan.para penonton. RTM melalui program-program agamanya yang khusus ataupun melalui program-program lain telah berjaya membantu menimbulkan minat dan kesedaran rakyat khasnya umat Islam untuk mendekatkan diri dengan Islam dan menjauhi daripada perkara-perkara yang tidak baik selaras dengan ajaran Nabi Besar kita Nabi Muhammad s.w.a.

Meningkatnya penyakit AIDS serta. kegiatan maksiat tidak bermakna rancangan-rancangan agama di RTM tidak mencapai matlamatnya. AIDS dan maksiat-maksiat yang lain bukanlah tertumpu kepada masyarakat Islam sahaja tetapi merupakan ancaman kepada semua lapisan masyarakat Malaysia. Oleh itu satu kempen kesihatan tentang penyakit AIDS telah dilancarkan bukan sahaja di media elektronik Kerajaan tetapi juga di media-media yang ditujukan kepada semua golongan masyarakat.

Kempen ini diharapkan akan dapat memberi kesedaran kepada semua golongan tentang bahayanya penyakit itu. Walau bagaimanapun adalah terpulang kepada tiap-tiap individu untuk mengikuti nasihat yang diberikan melalui media-media ini supaya penyakit AIDS tidak terus berkembang serta mengancam masyarakat khasnya golongan muda.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada pihak Kementerian Penerangan sedar dan peka kepada sungutan-sungutan negatif terhadap RTM akhir-akhir ini, misalnya gelagat mengenai artis-artis tertentu.

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertugas di RTM dahulu pun saya juga mempunyai sikap dan anggapan seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat baru sekejap tadi.

Sebenarnya, pada hemat saya sikap ini adalah tidak betul sama sekali, kerana segelah berada di sana tenyata bahawa masyarakat RTM adalah serupa dengan masyarakat lain juga, ada yang baik dan ada juga yang kurang baik, tetapi majoriti pekerja-pekerja dan artis-artis adalah terdiri daripada orang-orang yang baik dan berakhhlak belaka. Golongan artis-artis ataupun pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai di RTM adalah mereka yang merupakan golongan profesional dalam bidang mereka dan mereka ini memikul tanggung-jawab dengan penuh amanah selaras dengan apa yang diarah dari masa ke semasa. Cuma kerana RTM ini menjadi satu tempat yang diminati oleh ramai yang boleh diibaratkari sebagai "Menara Kaca", orang boleh melihat dengan mudah, maka terdengarlah tohmah-tohmah dan fitnah-fitnah yang tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, masalah moral artis-artis atau moral pekerja-pekerja masyarakat RTM, selama ia tidak bersabit dengan mahkamah, maka Kementerian menganggap itu adalah fitnah belaka. Kita tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan cuma berdasarkan kepada fitnah-fitnah semata-mata.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyebutkan bahawa masyarakat sering kali tidak tahu membezakan artis-artis RTM dengan artis-artis di luar RTM.

Perlu diketahui bersama bahawa pertunjukan-pertunjukan ataupun show yang diadakan di luar Angkasapuri sebenarnya sering kali adalah anjuran daripada pertubuhan-pertubuhan kebajikan ataupun badan-badan swasta dan apa yang berlaku kepada pertunjukan pertunjukan di luar Angkasapuri adalah di luar bidang tanggungjawab RTM.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua saya hendak Yang Berhormat jawab pendek sahaja, ya atau tidak. Pertama saya

ucapkah syabas. Pada saya rancangan RTM berkesan dalam rancangan agama ini, tetapi maksiat masih ada dalam soal ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju mereka yang membuat maksiat ini adalah mereka yang tidak pernah langsung menengok atau menuntun rancangan agama daripada RTM ini?

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham maksud Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ulang sekali lagi. Masa saya menyoal saya lihat Yang Berhormat asyik menenung ke bawah sahaja, pandanglah saya. **[Ketawa]**

Pertama saya mengucapkan syabas, pada saya, saya dapati bahawa rancangan bercorak agama melalui RTM adalah berkesan, kerana sementara hendak menunggu waktu maghrib, saya dapati ramai yang menuntun TV untuk mendengar siarannya, tetapi maksiat masih ada. Adakah Yang Berhormat bersetuju mereka yang melakukan maksiat ini adalah dari golongan mereka yang tidak pernah langsung menuntun rancangan agama yang disiarkan oleh RTM. Pendek sahaja jawabnya.

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad; Mula-mula sekali saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat sedar bahawa program-program agama di TV itu berkesan. Kedua, saya kurang bersetuju kalau Yang Berhormat hendak mengatakan secara umum bahawa adanya maksiat di RTM, tetapi kalau Yang Berhormat hendak mengatakan perkara ini, kita tidak dapat menafikan ada di mana-mana termasuklah di RTM, maka itu bolehlah saya setuju.

Kalau hendak tumpu kepada RTM semata-mata, saya amat tidak setuju dan pada hemat saya, ini rasanya satu tuduhanlah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, benda ini serius. Saya minta pembetulan suratkhabar dan telinga yang mendengarnya. Saya takut benda ini lain besok. Saya bertanya, mereka yang melakukan maksiat ini adakah daripada golongan mereka yang tidak pernah langsung menonton rancangan RTM bercorak agama itu? Itu sahaja. Bukan saya memfitnah. Saya tanya, mereka yang melakukan maksiat ini kerana maksiat masih ada. Adakah dari mereka yang tidak pernah menonton rancangan agama terbitan RTM ini?

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Saya setujulah [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun

Dr. Hg Khek Kiung: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

SIMPANAN BUMIPUTERA - GALAKAN

9. Dr. Ng Khek Kiung [dibawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha lain Kerajaan untuk menggalakkan rakyat menyimpan wang selain daripada ASB untuk kaum Bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, di antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan rakyat menyimpan wang ialah penubuhan agensi-agensi bagi menguruskan simpanan di kalangan rakyat. Ini termasuklah penubuhan Bank Simpanan Nasional, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan koperasi-koperasi.

Selain daripada penubuhan agensi-agensi tersebut, Kerajaan juga sentiasa memperkemaskan peraturan dan undang-undang mengenai

industri bank di negara ini bagi mempastikan keyakinan kepada orang ramai untuk menyimpan dengan institusi-institusi kewangan. Dasar kewangan yang dilaksanakan dari masa ke semasa oleh Kerajaan adalah juga memberi perhatian ke arah pencapaian tahap simpanan yang menggalakkan di kalangan rakyat negara ini.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah apa-apa cadangan Keraenterian Kewangan untuk menggalakkan menyimpan wang kepada kaum-kaum bukan bumiputera seperti ASB?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam jawapan tadi, selain daripada Skim Amanah Saham dan juga ASB, banyak lagi kita mengadakan peluang-peluang untuk simpanan seperti Bank Simpanan Nasional, Bank-bank Kerjasaraa, koperasi-koperasi dan sebagainya dan tidak ada banyak perbezaan di antara institusi ihi dengan Tabung Amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan itu.

RUMAH SETINGGAN

10. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah kedudukan rumah-rumah setinggan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan pembangunan yang teratur supaya kehidupan mereka akan lebih terjamin bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah berasrama, Taman Didikan Kanak-kanak dan sebagainya demi untuk memastikan rakyat di sekitar Kuala Lumpur dapat merasai arus pembangunan yang berjalan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan setinggan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kerajaan telah, sedang dan akan membina rumah-rumah kos rendah melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau secara usahasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pihak swasta ataupun

pihak swasta sendiri. Di samping itu juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan kemudahan rumah pangsa dan rumah panjang untuk disewa oleh penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah. Bagi kawasan-kawasan setinggan yang belum dibangunkan lagi Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan berusaha untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, air, jalan dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan klinik-klinik yang beroperasi seminggu sekali di kampung-kampung setinggan yang dipilih. Selain daripada itu, Kerajaan juga tidak mengabaikan keperluan kanak-kanak penduduk setinggan di bidang pelajaran. Sebagai contoh, Kerajaan telah membina sekolah-sekolah tadika untuk memberikan kemudahan pelajaran pra-sekolah kepada anak-anak penduduk setinggan, dan mengadakan kelas-kelas 'tuition' bagi kemudahan pelajar-pelajar di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telah merancang untuk membina asrama untuk kemudahan pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan rendah ini.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa banyak pengusaha ringan di kawasan setinggan Kuala Lumpur. Adakah Kerajaan menyediakan perancangan untuk memindahkan mereka?

Soalan tambahan yang kedua, sejauh manakah kejayaan ke atas projek-projek perumahan yang diswastakan di Wilayah Persekutuan?

Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan yang pertama menyimpang daripada soalan asal, tetapi sukalah saya menyatakan bahawa memang terdapat perancangan oleh Kerajaan untuk memusatkan satu kawasan bagi pengusaha yang setinggan di

dalam Wilayah Persekutuan ini. Dua buah projek yang saya sebut adalah seperti yang saya nyatakan tadi, adalah terdapat di Kepong iaitu PH Realty dan Mehand.

Bagi jawapan yang kedua, projek-projek penswastaan yang melibatkan setinggan atau resettlement of squatters, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memang telah berjaya untuk menampung setinggan-setinggan dan usaha untuk menghapuskan atau membangunkan semula kawasan setinggan di sekitar Kuala Lumpur.

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KERAJAAN

11. **Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) pada kebiasaannya berapa lamakah tempoh kenaikan pangkat seseorang Pegawai Kerajaan di dalam kategori A bagi golongan berikut dari mula ianya berkhidmat untuk mencapai ke tahap Tingkatan Kanan dan ke tahap Tingkatan Tertinggi
 - (a) Golongan Pegawai Tadbir Am;
 - (b) Golongan Pegawai Tadbir dan Diplomatik;
 - (c) Golongan Professional.
- (b) sama ada Kerajaan sedar atau tidak wujudnya rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan golongan Pegawai Tadbir Am dan Professional berhubung dengan tempoh kenaikan pangkat ini dan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kenaikan pangkat dari satu tingkatan ke

tingkatan yang lebih tinggi pada masa ini dibuat hanya bila ada kekosongan jawatan-jawatan kenaikan pangkat. Kekosongan boleh berlaku sama ada melalui perwujudan jawatan baru ataupun aliran keluar seperti bersara, meletak jawatan, kenaikan pangkat ke jawatan lebih tinggi serta meninggal dunia. Dengan demikian, tempoh yang seseorang pegawai terpaksa menunggu untuk kenaikan pangkat berbeza dari masa ke semasa bergantung kepada jawatan kosong yang ada.

Pada masa ini, tempoh masa bagi Pegawai-pegawai Tadbir Am dinaikkan pangkat ke Tingkatan Kanan ialah antara 8 hingga 10 tahun dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik tempohnya ialah di antara 7 hingga 9 tahun.

Bagi golongan professional, oleh kerana ada banyak perkhidmatan yang terlibat, maka adalah sukar untuk memberi satu angka yang bermakna. Walaupun begitu, sebagai contohnya, tempoh bagi perkhidmatan pegawai perubatan ialah antara 5 tahun, tempoh bagi perkhidmatan undang-undang ialah 5 tahun juga dan bagi perkhidmatan jurutera ialah di antara 7 hingga 9 tahun.

Masa yang diambil ke Tingkatan-tertinggi 'c' bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik ialah antara 20 hingga 23 tahun manakala Perkhidmatan Professional antara 20 hingga 24 tahun dan tidak ada jawatan Tingkatan-tertinggi 'C' bagi Perkhidmatan Pegawai Tadbir Am.

Kerajaan sedar tentang perasaan Pegawai Tadbir Am dan Professional berhubung dengan tempoh kenaikan pangkat yang lama itu. Perasaan ini mungkin timbul daripada anggapan bahawa ada golongan-golongan yang menikmati peluang kenaikan pangkat yang jauh lebih baik daripada golongan mereka. Kalau mereka pula melihat dan bandingkan dengan perkhidmatan lain seperti perguruan, maka mereka akan dapati ada perkhidmatan yang peluang naik pangkat adalah lebih kecil. Seperti yang dapat dilihat daripada jawapan yang telah

diberikan sebentar tadi, tempoh untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Kanan bagi golongan perkhidmatan perubatan dan undang-undang adalah baik daripada golongan lain, tetapi tempoh untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan-tertinggi 'C' pada amnya adalah hampir sama.

DOKTOR PAKAR MELETAKKAN JAWATAN

12. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab mengapa sebahagian doktor pakar meletakkan jawatan selepas beberapa tahun berkhidmat dengan Kerajaan. Pada masa sekarang sebahagian doktor pakar adalah doktor asing. Bagaimanapun kebanyakan Hospital Daerah sangat kekurangan doktor pakar. Contohnya Hospital Daerah Muar yang hanya mendapat khidmat rawatan daripada seorang doktor pakar mata sekali sebulan. Apakah tindakan dan langkah boleh diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor-faktor yang menyebabkan doktor pakar meletakkan jawatan dari-pada Perkhidmatan Kerajaan ialah:-

Pertama, ingin mendapat pendapatan yang lebih lumayan di sektor swasta. Yang kedua, ingin berada di tempat tertentu dan tidak raahu bertugas di luar bandar apabila ditukarkan ke tempat tersebut. Yang ketiga, ingin kekal bersama keluarga di satu-satu tempat dan tidak sanggup ditukarkan. Yang keempat, tidak lulus Bahasa Malaysia ataupun Peperiksaan Am Kerajaan untuk disahkan dalam jawatan. Yang kelima, tidak berjaya di dalam urusan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi.

Sehingga November 1989, seramai 409 orang doktor pakar yang berkhidmat di Kementerian dan daripada jumlah tersebut seramai 58 orang adalah pakar warganegara asing yang berkhidmat secara kontrak.

Bagi mengatasi kekurangan pakar-pakar, Kementerian cuba mengatasi melalui dua cara iaitu:

- (i) secara jangka pendek dengan melantik secara kontrak Pegawai Pakar daripada luar negeri; dan
- (ii) secara jangka panjang iaitu dengan menyediakan emudahan latihan kepada Pegawai-pegawai Perbatan untuk mendapatkan kelulusan kepakaran di alam dan luar negeri, menambahkan jawatanawatan kenaikan pangkat dan peluang-peluang diperluaskan lagi dan mengadakan syarat-syarat, perkhidmatan yang lebih baik supaya mereka dapat berkhidmat lebih lama dengan Kerajaan.

PARTI POLITIK BERDAFTAR

13. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang bilangan permohonan untuk menubuhkan parti baru yang diterima yang ditolak dan yang masih dalam proses pendaftaran:-

- (a) apakah nama parti-parti tersebut; dan
- (b) mengapakah Kementerian berkenaan tidak mengetatkan lagi syarat-syarat permohonan parti-parti baru; memandangkan parti-parti politik yang berdaftar di Malaysia sekarang sudahpun sampai ke angka 39.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada tahun 1989 sahaja, sebanyak 16 permohonan untuk menubuhkan parti-parti politik baru telah dikemukakan. Parti-parti tersebut ialah:-

Nama Parti Politik	Tarikh Permohonan
(i) Parti Liberal Demokratik (The Liberal Democratic Party) (LDP)	22 Jun, 1989
(ii) Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR)	30 Ogos, 1989
(iii) Parti Timlakan Bersatu	24 April 1989
(iv) Pertubuhan Warisan Melayu Semenanjung	9 Mac, 1989
(v) Parti Bersatu Malaysia	24. Mac, 1989
(vi) Parti Demokratik Kebangsaan Sabah	8 Mac, 1989
(vii) Barisan Rakyat Sabah Bersatu	5 April, 1989
(viii) Semangat 46 Angkatan Melayu Nasional Uniti	5 Jun, 1989
(ix) Parti Kaum India Bersatu Malaysia	9 Jun, 1989
(x) Bersatu Mangsa-mangsa Barisan Nasional Sabah, Malaysia	4 September, 1989
(xi) Parti Angkatan Demokratik	31 Julai, 1989
(xii) Parti Perpaduan Masyarakat	2 September, 1989
(xiii) Angkatan Perpaduan Ummah	10 September, 1989
(xiv) Parti Ikatan Masyarakat Islam Malaysia	17 September, 1989
(xv) Angkatan Perpaduan Ummah	8 November, 1989
(xvi) Barisan Kemajuan India Se Malaysia	1 Disember, 1989
Dari jumlah tersebut, sebanyak 3 buah parti telah diluluskan pendaftarannya iaitu:-	

- (i) Parti Liberal Demokratik (Liberal Deraocratic Party) (LDP)
- (ii) Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR)

(iii) Parti Tindakan Bersatu (United Action Party)

Permohonan dari parti-parti yang lain adalah masih dalam proses.

(b) Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 mengenai syarat-syarat permohonan parti-parti baru adalah mencukupi dan tidak bercadang untuk mengetatkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 37 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Disember, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang untuk menyambung ucapannya pada petang semalam, dipersilakan, Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya, untuk menyambung ucapan saya di dalam membahaskan satu Akta yang bernama "Suatu Akta untuk Meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan semalam, bahawa perjudian ini mempunyai bahaya yang amat besar kerana perjudian ini boleh membawa manusia kepada sikap pemalas iaitu tidak mahu bekerja. Jadi oleh kerana banyaknya manusia-manusia penganggur di dalam masyarakat kita, dengan adanya judi ini akan memberi satu peluang kepada mereka membuat pekerjaan yang tidak payah menggunakan tenaga.

Yang keduanya, mengajar manusia berangan-angan, orang ahli judi ini setiap saat dan setiap masa memasang angan-angan, angan-angan yang dipasang oleh mereka itu ialah angan-angan ingin kaya dengan mudah dan membuatkan bayangan-bayangan hidup yang tidak mungkin mereka dapat laksanakan. Jadi kalau dalam satu negara yang telah didiami oleh banyak golongan orang yang berangan-angan sudah ada

petanda bahawa negara itu akan lingkup, negara ini akan musnah dan negara ini tidak akan mampu melahirkan tenaga-tenaga yang boleh membawa kemakmuran kepada negara tersebut.

Ketiganya, mengajar manusia berputus asa. Dengan judi ini Tuan Yang di-Pertua, manusia boleh jadi sebagaimana manusia yang tidak ada mempunyai fungsi, tidak ada tenaga, tidak ada akal fikiran, mereka rasakan hidup ini amat sempit untuk mereka dan mereka merasakan hidup ini dengan mati adalah sama, tidak ada pilihan untuk mereka. Jadi manusia-manusia yang putus asa ini amat dilarang, tidak disuruh oleh Allah s.w.t., malah Allah menghantar manusia ke dunia ini untuk bekerja, berusaha memasang niat yang baik bahawa jaminan Allah kepada mereka yang rajin ini akan mendapat kebahagian dalam hidup mereka. Jadi perasaan putus asa Ini, itu sebabnya sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya, sudah berlaku pembunuhan diri sendiri dan belakunya pergadaian daripada harta benda yang ada, memaksa ibu bapa membayar hutang-piutang. Sebagaimana seorang rakan yang menceritakan kepada saya semalam satu orang anak yang telah tidak dapat menyelesaikan masalah mereka memaksa ayahnya supaya menjualkan hartanya sebanyak \$100,000 untuk menebus perjudian ini.

Keempatnya, mengajar manusia menjadi pencuri dan perompak sebagaimana yang sama-sama kita lihat dan kita tengok.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang kita lawat yang diketuai oleh Tan Sri sendiri Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, negara-negara yang kita tengok ini kita nampak betapa bahaya mereka yang tidak ada mempunyai pekerjaan, tetapi manakala mereka ini terlibat dalam perjudian, maka mereka ini sanggup

melakukan pembunuhan, melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku, sebagai negara Malaysia yang dijamin keseluruhannya, sebagai negara yang dihormati oleh negara-negara luar, sebagai satu negara yang mencerminkan satu negara yang baik, ini dapat kita tengok dan kita tinjau hasil daripada lawatan rombongan Senator-senator kita baru-baru **ini**, bahawa negara-negara yang kita lawat dalam tinjauan kita kepada rakyat jelata yang peringkat rendah memberi jaminan bahawa negara Malaysia ini satu negara yang paling disegani dan dapat memberi jaminan kehidupan kepada rakyatnya dalam jangka yang tidak ditentukan.

Maka sekiranya lesen-lesen perjudian ini masih lagi diperbanyakkan dan digalakkan walaupun ada kawalan-kawalan yang dibuat, maka saya percaya negara ini akan menerima nasib sama macam negara-negara yang saya sebutkan tadi kerana negara perjudian ini adalah negara yang dilaknati oleh Allah. Kalau negara telah dilaknati oleh Allah bererti rakyat yang ada dalam negara itu akan menerima bala bahaya yang boleh merosakkan segala-galanya.

Jadi, sebab itulah apa yang kita ragukan lesen-lesen perjudian ini walaupun terkawal, walaupun diberikan akta-akta yang tertentu, kalaualah Allah sendiri telah mengatakan perjudian ini haram dan tidak patut diamalkan, maka sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, membayangkan merbahaya itu amat besar.

Jadi, dengan sebab itu untuk menjauhkan rakyat negara kita ini daripada menjadi pencuri lebih banyak dan perompak lebih banyak, maka saya mencadangkan supaya lesen perjudian ini hendaklah diansur-ansur dikurangkan, bukan diansur-ansur ditambah.

Yang kelimanya, bahaya daripada perjudian ini akan membawa manusia lari daripada menunaikan tanggungjawab, bukan sahaja tanggungjawab kepada negara malahan tanggungjawab kepada dirinya dan kepada keluarganya. Orang berjudi ini tidak payah tidur, mula-mula orang pergi berjudi ini pakai cantik, selepas itu dia tanggal satu - sudah panas, kalau dia pakai baju di luar, tanggal baju tinggal singlet - mengangguk Timbalan Menteri Kewangan kita - tinggal

singlet, selepas itu tanggal seluar tinggal suspender kerana panas. Ini bukan saya cakap lawak, ini saya nampak kerana orang yang bahaya kalah judi ini dia akan buat apa sahaja yang dia boleh. Kadangkala dia tidur di atas bangku judi itu sendiri dengan tidak mengendahkan keluarga-keluarga, anak-anak mereka. Orang yang kena penyakit judi ini bukan orang muda, orang tua pun banyak. Apa rupanya kalau orang tua sudah menjadi tahi judi, tidur di sepanjang kakilima kerana kalah judi. Sudikah Kerajaan kita memandang rakyatnya yang berkeadaan demikian.

Yang keenamnya, bahaya judi ini manusia akan **lari** daripada akidah, akan rosak sebagai umat Islam, yang terlibat dalam judi ini akan merosakkan akidah, dia tidak percaya kepada Qadak dan Qadar, Dia tidak percaya tentang suratan Allah kepada **diri** mereka. Mereka itu mengatakan dalam hidup ini tidak ada apa jaminan Allah kepada mereka. Mereka tidak mahu bekerja dan tidak mahu berusaha. Mereka dapat duit, mahu bekerja, mahu berusaha tetapi malangnya mahu melipatgandakan rezeki yang didapati itu supaya berganda maka dilibatkan **diri** dalam perjudian sedangkan perjudian itu tidak menjamin lipatan ganda rezeki yang mereka perolehi. Kalau seorang pekerja telah mendapat duit, kemudian dia pergi berjudi, duitnya habis, kemudian dia tidak berani hendak balik ke rumah kerana tidak ada apa yang ada lagi. Ini masalah.

Jadi, dari segi syaraknya, dari segi keagamaan kita, agama Islam, amat memandang judi ini terlalu merbahaya. Dengan sebab itu Allah s.w.t. merangkumkan 3 perkara dalam Al-Quran yang paling bahaya:

yang pertama ialah "ham" - minum arak, termasuklah dadah.

yang keduanya judi; dan
yang ketiganya ialah **tilik**, tengok nasib.

Tiga perkara ini membawa manusia kepada berangan-angan dan merosakkan. Kalau arak boleh merosakkan fikiran, dia jadi manusia yang tidak siuman, tidak tahu tentang **diri**, runtuh akhlaknya, begitu juga mereka yang terlibat dalam dadah kerana dadah itu sebahagian daripada perkara yang memabukkan, merosakkan akal fikiran dan sampai sekarang ini kita dalam masalah dadah juga kerana kita takut bahaya dadah ini akan membawa kehancuran kepada rakyat dalam negara ini, maka kita bersungguh-sungguh menyerang dadah ini dengan kita pulihkan penagih-penagihnya dan bermacam-macam usaha yang kita buat supaya mereka yang jadi penagih dadah ini dapat dipulih dan diselamatkan. Dadah ini adalah satu cawangan besar daripada "ham" atau arak. Begitu juga orang yang sudah kena penyakit minum arak, tahi botol - samalah itu. Jadi akalnya tidak sempurna, dia tidak tahu hari petang, dia tidak tahu hari pagi, dia tidak tahu di mana dia duduk, dia muntah belilah di sepanjang-panjang jalan. Maka sebab itu Allah taala haramkan arak, haramkan dadah. Dan sekarang kita dalam akta mempertikai dan membahaskan tentang perjudian.

Langkah yang kedua, kalau arak, dadah ini dapat kita banteras dengan baik, maka kenapa judi ini pula tidak dapat kita banteras dengan baik dan teratur. Kalau saya tidak silap bahawa tentang arak ini kalau orang Islam yang menjual arak, lesen perniagaannya di-rampas. Bagi mereka yang bukan Islam, kalau mereka hendak jual arak ini mereka beritahu orang Islam tidak boleh minum. Jadi, ada tanda-

tanda larangan itu dibuat tetapi dalam masalah judi ini tidak ada, melata sahaja macam budak kencing atas papan. Jadi apa jadinya Kerajaan kita yang macam **ini**. Satu kita jaga, dua kita lepaskan. Satu kita pelihara, dua kita biarkan. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tanggungjawab kita sebagai orang yang memikul teraju Kerajaan yang mengakui bahawa agama Islam itu adalah agama rasmi negara. Apa rupanya kalaualah perjudian itu bergantungan dia punyai iklan-iklan di sepanjang kedai.

Sebagaimana yang saya cakap semalam dalam perhitungan yang saya buat, 10 buah kedai, 3 kedai judi. Ini peratusnya amat tinggi. Kawasan-kawasan yang terlibat ini adalah bandar-bandar kecil sedangkan pembangunan kita buat di luar bandar, bandar-bandar yang kecil ini kita bangunkan sedangkan pembangunannya membawa rakyatnya suka berjudi. Begitu juga judi-judi yang membahayakan penuntut-penuntut sekolah yang kita tengok, yang kita tahu, semua kita tahu dan kita tengok dan kita lihat tetapi lesen-lesennya masih boleh dikeluarkan.

Jadi, dengan sebab **itu**, Tuan Yang di-Pertua kalau yang kedua ini iaitu judi dilarang, maka saya minta supaya Kementerian yang berkenaan meneliti dengan halus macam mana hendak mengurangkan, hendak mengansur menghapuskan perjudian ini.

Selain daripada itu, yang ketiga yang saya sebut tadi ialah **tilik**, menilik diri, tengok apa hendak jadi. Macam saya ini konon tengok diri saya, **tilik**. Selepas itu dia orang beri ramalan - tuan akan bernasib baik, lagi tua lagi baik, kita pun senyum. Tuan ada chance boleh kahwin dua, senyum lagi. Tuan boleh jadi umur 65 tuan punya kaki ada patah, masa itu sudah takut pula. Selepas itu, tuan punya bini akan lari, lagi takut. Selepas **itu**, tuan ada nasib baik, satu anak dara kasih sama tuan, sudah ketawa balik. Jadi kalau

macam itu ceritanya, ini cerita khayallah, sebab itu Allah taala tidak benarkan kita lihat, **tilik - tilik diri ini** tidak boleh. Kalau orang India dia pakai burung, dia ambil kertas, ini punya bodoh sebab itu orang kita orang Islam **ini**, Tuhan ajar kita jangan jadi orang bodoh, keluar burung itu, ambil kertas dan selepas itu kita suruh India itu baca kertas itu. India itupun cakaplah "Encik ada baik" - tidak ada yang tidak baik, semua baik, jadi burung itu yang tahu nasib kita.

Sebab itu Allah s.w.t. mengharamkan **tilik ini**, biar apa hendak jadi biarlah Tuhan yang tahu. Sebab itu kita bercakap, kita minta dengan Allah kalau sesuatu benda yang kita buat itu kalau lebih manfaatnya, beri, kalau tidak lebih manfaatnya, lebih banyak kerosakannya, jangan beri. Itu kita minta dengan Allah sebab kita tidak tahu. Kita bukan tidak hendak - hendak, tetapi kalau mudarat, tidak usah beri; kalau mendatangkan kebaikan - beri. Dengan sebab itu tiga perkara ini terang-terang Allah s.w.t. letakkan dalam Al-Quran supaya umat Islam, orang yang beriman kepadaNya, ambil contoh ini dengan baik.

Jadi, untuk mencegah manusia ini tidak boleh dengan undang-undang sahaja. Undang-undang ia juga, tetapi benda-benda itu janganlah kita galakkan. Kalau kita galakan sesuatu benda, lepas itu kita buat undang-undang, manusia ini ada nafsu bila nafsu dia tidak boleh mengatasi akal, maka akan berlakulah perkara itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semalam Timbalan Menteri yang **berkenaan** telahpun menyatakan dalam masa pembentangannya, satu dari padanya yang dapat saya tengok di sini iaitu Kerajaan mengambil satu tindakan yang tegas bagi mengawal dan mengurangkan kegiatan judi. Saya sukalah ini. Kalau ada ayat 'mengurangkan' itu alhamdullillah-lah. Maknanya adalah beransur-ansur untuk menghapuskan judi. Jadi, kalau sudah begitu keadaannya, Kerajaan suda mula bimbang, kerana dalam pembentangan semalam, yang dinyatakan di sini, dia kata tangkapan oleh pihak Polis telah meningkat daripada 4,958 kes dalam tahun 1986 hingga 8,350 dalam tahun 1988. Saya tolak angka itu maknanya 3,392 tambahan dalam masa dua tahun. Itu dua tahun, kalau 10 tahun, apa hendak jadi? Agak-agaklah 10 tahun.

Kita berbincangkan tadi soal 'AIDS' - ini pun satu perkara yang kita paling takut. Tetapi "AIDS" itu ada juga kurangnya, dia tidak menyalar, dia tidak pergi ke kampung-kampung tetapi judi ini dia pergi, lebih bahaya lagi, Orang 'AIDS' ini orang jahat sahaja, mampuslah dia, pedulikanlah, biar dia mampus, apa yang kita takut, biar dia pendek umur, siapa yang hendak buat "AIDS" buatlah ramai-ramai, kurang rakyat besok, senang sedikit orang yang tinggal. Tetapi judi ini dia tidak mahu mati, ini yang susah. Orang "AIDS" ini dia mati tetapi orang judi tidak mahu mati, lagi banyak dia hidup.

Jadi, dengan sebab itu amat kita takuti, jadi kalau sudah kes 3,392 dalam masa dua,tahun dia bertambah, Tuan Yang di-Pertua, ini amat membimbangkan Kerajaan. Kita berusaha membangunkan rakyat, berusaha membangunan pembangunan-pembangunan yang lain, sedangkan rakyat kita terlibat dalam keadaan yang macam ini. Berkhayal, 3 ribu berkhayal, itu bukan sedikit. Itu yang dapat tahu, yang tidak dapat tahu banyak lagi, yang lelap mata pun ada juga, kadang-kadang dia sampai di pintu Polis balik sahaja, dia tidak boleh buat apa-apa, bukan salah dia, ini banyak. Terutama sekali orang yang suka main macok. Itu lagilah, dia lentang-lentung sampai pagi. Ini saya tahu sebab di sebelah kedai saya ada kedai macok. Petang itu dia pakai songkok puteh, rupanya malam itu tinggal "senglet" dan "spendar". Apa kerja mereka ini? Ini tanggungjawab Kerajaan, tanggungjawab kita bersama. Kalau maklumat ini kita tidak sampaikan mungkin Kementerian tidak tahu, kalau dia tahu pun dia susah hendak buat ramalan. Jadi, ini kita beritahu. Inilah bahayanya, nasib baik tidak bawa pisau seorang satu, kalau dia bawa pisau seorang satu, lepas kalah dia bertikam antara dia. Pistol, memang dia tidak ada lesen, Jadi, ingat-ingatlah sedikit.

Oleh kerana itu, saya suka mengingkatkan masalah judi ini, kalau boleh kita cadangkan supaya Enakmen Hukum Syarak bagi pihak negeri-negeri ini masukkan Enakmen Judi ini supaya yang dibuat oleh negeri Pahang untuk Genting Highlands itu nampaknya berjaya dan saya pun dapat peluang pergi tengok kawasan itu. Saya tengok 'carpet' paras mana yang boleh masuk. Orang itu beritahu 'carpet' paras itu yang-boleh masuk, yang lain itu jangan masuk, kalau masuk dan nampak orang-orang Pejabat Agama Negeri Pahang, tuan kena tangkap. Dapatlah

menginding tepi itu tengok-apa rupanya. Kalau ini dapat dimasukkan dalam Enakmen Hukum Syarak, saya minta orang yang bukan Islam ini jangan bantah. Sebagaimana Enakmen Hukum Syarak Negeri Selangor, keluar 8 orang, balik masuk. Apa guna macam ini, main budak-budakkah. Dia sokong, lepas sokong datang hantu bakar buntut, sudah panas, bila panas dia ingat dia hendak hidup lagi, dia kata jangan bakar lagilah. Biar saya tarik diri, letak jawatan, maka letak jawatan. Kita pun pening kepala, masa itu kita kena kurung di Filipina, sudahlah kita tidak makan, tidak minum, dengar pula cerita 8 orang Wakil Rakyat MCA, ADUNnya letak jawatan. Kita pula naik risau, balik ini apa hendak jadi. Bila kita balik, tengok dia sudah tarik diri, masuk balik. Alhamdulillah itu, menunjukkan patuh kepada pemimpin, pemimpin nasihatkan masuk, masuk balik, tetapi lain kali jangan buat kerja macam ini. Saya beri tahu parti-parti komponen kita....

Tuan Tan Chai Ho: Penjelasan, boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Sila.

Tuan Tau Chai Ho: Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan Undang-undang Islam di Negeri Selangor, saya fikir isu ini sudah selesai. Jadi tidak perlulah cerita di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat sambung ucapan.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada hendak ungkit, cuma buat contoh. Lain kali yang melibatkan ugama itu, kalau sahabat-sahabat komponen kita, dia sokong kita sudahlah, kita pun syukurlah, jangan buat heboh, fasal itu untuk orang Islam sahaja, bukannya orang lain. Jadi, saya minta Enakmen Judi ini, kalau boleh masuk dalam Enakmen Hukum Syarak Negeri-negeri

bila bawa dalam mesyuarat di Dewan negeri itu, saudara-saudara kita yang bukan Islam ini sokong sahajalah, itu yang saya hendak maksudkan bukan saya hendak bantah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya suka mencadangkan-supaya pihak Kerajaan dapat merundingkan supaya enakmen ini dapat dimasukkan. Cara hendak menghapuskan tadi, menyekat orang-orang yang kena sekat ini, lepas itu besok hilanglah benda itu. Dan cadangan lain yang saya hendak berikan di sini, Tuan Yang di-Pertua, pertama, Kerajaan hendaklah membatalkan lesen-lesen perjudian dalam apa bentuk pun yang dimiliki oleh orang-orang Islam Banyak, terutamanya sekali 4 Nombor Ekor. Banyak dia punya manager terdiri dari orang Islam. Jadi, saya minta benarlah dibatalkan.

Kedua, memberi kuasa kepada Jabatan Agama dan Polis memberkas kaki-kaki judi,daripada kalangan orang Islam. Jadi macam pencegah maksiat jugalah. Tadi, RTM heboh tentang maksiat, ini kita beri kuasa, kalau dapat diberi kuasa ini serupa macam orang yang membuat penzinaan, kita beri kuasa khalwat, apa salahnya judi beri kuasa. Saya malulah tengok orang Islam mengongkong-ngongkong tepi itu menulis nombor, kesihan saya tengok, yang sedihnya itu, di sebelah saya punya kedai itu kedai nombor ekor. Saya syukurlah kepada Allah s.w.t. memberi saya rezeki yang macam itu sebab boleh mengurangkan orang-orang saya ambil nombor. Ada cerita lucu sedikit, Tuan Yang di-Pertua, orang itu terlalu baik dengan saya. Sebelah kedai nombor ekor ini klinik, jadi dia lalu depan kedai saya, saya tanya, 'assalamualaikum' 'waalaikumsalam' jawabnya. Mana arah **ini**, saya kata. Hendak pergi klinik tuan, dan dia sedang mengeluarkan nombor ekor. Sekejap itu dia balik. Sekejap sahaja pergi klinik, saya kata. Nombor tinggi sangat katanya. Rupa-rupaanya dia pergi tengok nombor ekor. Jadi inilah. Dengan sebab itu ada juga malunya orang-orang kita ini jadi, kalau dapat kita halang dengan cara ini rasa saya, insya Allah kita berjaya.

Selain daripada itu yang ketiga ini denda yang diperuntukkan kepada rumah judi yang tidak berlesen hendaklah dikenakan kepada penjudi-penjudi Islam ini. Biar dia rasa, kita masukkan dia, beri dia denda-denda yang tinggi, ini mungkin dia akan boleh menakutkan dia. Kemudian, lesen perjudian yang telah habis tempoh jangan di-baharui semula. Ini kita telah cakap galak ini. Telah habis tempoh itu sudahlah. Tutuplah kedai itu, suruh buat bermiaga lain. Yang kelima, jangan wujudkan bentuk-bentuk judi yang dianggap halal. Ini pun satu celaka lagi. Ada pula judi halal, bentuk-behtuk judi yang halal. Sahabat saya ada sebut, ada nama satu judi, saya pun tidak tahu, dia kata itu tidak apalah, mana boleh, asalkan dia berbentuk judi, berbentuk pertaruhan, ini dia, sebab itu pertandingan bola kita di antara Sarawak dengan Kuala Lumpur hari **itu**, orang ramai masuk campur, sebab dia ingat dia telah menang, apa pula budak-budak di padang ini telah berkelahi, jadi, mereka masuk campur kerana judi. Kalau tidak ada judi rasa saya tidak jadi macam **itu**. Kalau pemain itu sahaja, insya Allah permainan kita hari itu boleh di-teruskan. Ini satu bahaya yang paling besar. Ini kita boleh tarik perhatian, sehingga jadi korban kepada pemain-pemain kita Sarawak dan Kuala Lumpur. Ini tidak patut berlaku. Sebab bahaya judi, tetapi judi ini tidak dapat dikesan.

Oleh kerana pertaruhan-pertaruhan yang dibuat secara perjanjian di antara satu sama lain ataupun ada sindiket-sindiket kumpulan yang

membuat perjudian ini.

Jadi, oleh kerana itu sebagaimana yang sayacakap semalam, kita yang di dalam Dewan ini adalah dipertanggungjawabkan, bukan sahaja untuk kita bertanggungjawab di dunia tetapi kita bertanggungjawab di akhirat. Sebab itu saya mencadangkan supaya lesen-lesen perjudian ini dikawal dengan rapi dan jangan begitu ghairah untuk membuat penambahan-penambahan tetapi saya minta pihak Kementerian menghairahkan menahan lesen-lesen ini mudah-mudahan negara kita ini akan selamat dan rakyat kita akan selamat dan mudah-mudahan tidak menjadikan rakyat dalam negara ini, rakyat yang gila angan-angan, malahan rakyat yang dilahirkan bertanggungjawab bekerja untuk memakmurkan negara kita yang kita kasihi. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah binti Jusoh.

4.03 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, yang mana Akta **ini**. boleh-lah dinamakan Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989. Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam huraian-huraian yang diberikan sama ada Fasal 2(a), 2(b), 2(c), 2(d), 2(e) dan 2(f) atau Fasal 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 kesemua pindaan-pindaan ini dibuat adalah dikeranakan seruan dan saranan daripada rakyat jelata agar Kerajaan mengawal

dan mengawas serta mengambil perhatian terhadap kegiatan-kegiatan judi dan pertaruhan haram yang telah begitu berleluasa dan meningkat sejak kebelakangan ini di dalam negara kita, menurut apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah dari Kelantan, yang mana Yang Berhormat telah menyebutkan semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1988 dan 1989 semalam **iaitu** kedatangan utusan Allah, Muhammad s.a.w. ke dunia ini adalah untuk kesemua umat manusia bukan untuk satu-satu kaum atau bangsa sahaja. Sebagaimana Hadis Nabi Muharamad s.a.w. yang bermaksud, "Tidak-diutuskan aku ke dunia ini melainkan untuk kesemua manusia gunanya ialah untuk memberi khabar gembira **iaitulah** syurga dan khabar duka **iaitulah** neraka."

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana undang-undang berhubung dengan perjudian terbuka 1953 ini dibuat 36 tahun yang lampau yang mana di waktu itu negara kita masih dijajah oleh penjajah maka sudah tentulah mereka mengadakan undang-undang ini untuk mengawal kegiatan judi di waktu itu yang mana judi adalah salah satu daripada kegemaran mereka dan mereka juga bimbang kiranya tidak diwujudkan undang-undang ini di waktu itu maka sudah tentulah mereka tidak akan dapat mengawalnya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bukankah kita sekarang sudah merdeka hampir 32 tahun dan di dalam Perlembagaan negara kita juga ada mengatakan agama Islam sebagai Agama Rasmi negara. Baru-baru ini kita semua tahu yang

Kerajaan ingin menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara kita maka sampai bilakah kita mahu menunggu dan kenapakah kita masih lagi mendewa-dewakan penjahah dan masih mengekalkan undang-undang yang dicipta oleh akal manusia yang kufur kepada Allah s.w.t. Apakah kita takut bertindak sedangkan kuasa telah diberi oleh Allah kepada kita untuk menjadi khalifah di bumi yang tercinta ini dan untuk memakmurkan pesaka nenek moyang agar anak cucu kita hidup dengan aman tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu Islam tidak menyuruh kita melakukan sesuatu itu dengan tergesa-gesa, bahkan dengan cara berhati-hati dan bersabar untuk mendapatkan, sesuatu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di samping sifat sabar untuk mendapat kejayaan itu maka perlu pula kita bergantung kuat kepada sifat berani kerana keberanian akan mendorong seseorang itu bekerja sehingga berjaya. Orang berani sentiasa maju ke depan, tanpa keberanian sesuatu itu tidak akan wujud, para pemimpin tidak akan dapat memimpin negara kiranya mereka tidak mempunyai sifat berani, ulama-ulama tidak akan memperkatakan kebenaran kiranya mereka tidak mempunyai sifat berani, seterusnya negara tidak akan selamat jika tidak ada pemuda-pemuda atau belia-belia yang berani dan sanggup menghadapi apa sahaja ancaman yang akan merosakkan negaranya. Oleh itu sifat berani adalah merupakan kunci kejayaan dan kemajuan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Islam memandang tinggi sifat keberanian dan menyuruh umatnya supaya berani menentang kesalahan dan menegakkan kebenaran. Rasulullah s.a.w., pernah menegaskan di dalam sabdanya yang bermaksud, "Katakanlah perkara yang benar sekalipun

perkara itu pahit." Dan seterusnya Allah menjanjikan balasan baik kepada orang yang berani menegakkan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, sifat berani yang dikehendaki oleh Islam ialah berani dalam perkara benar dan betul, bukan berani melakukan kesalahan kerana perbuatan sedemikian tidak dikatakan berani bahkan disebut jahat. Orang yang berjaya di dalam hidup ialah orang yang berani melakukan tindakan setelah dibuat perhitungan, pertimbangan melalui akal fikiran yang sihat bukan berani yang didorong oleh perasaan nafsu jahat dan pepatah. Melayu ada mengatakan 'Berani kerana benar, takut kerana salah.' Para Nabi dapat dijadikan sebaik-baik contoh tentang keberanian, tanpa keberanian mereka tidak berjaya mengembangkan syiar Islam. Nabi Muhammad s.a.w. dibangkitkan ditengah-tengah bangsa Arab yang menyembah berhala, Baginda mengembangkan Islam tanpa mempedulikan segala rintangan dan ancaman akhirnya Islam yang dibawa berkerabang keseluruh dunia.

Begitu juga nabi-nabi lain bangun menentang kekufuran dan kezaliman. Kalau bukan kerana keberanian tentulah syiar Islam tidak dapat berkembang ke seluruh alam. Tanpa keberanian segala cita-cita tidak akan tercapai, malah dengan sifat beranilah manusia dapat terbang ke angkasa dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Allah telah berfirman di dalam Surah Al-Maidah ayat 10 hingga 11 yang bermaksud, Wahai orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, dan sembelihan untuk berhala, dan juga menilikkan nasib, semuanya itu adalah kotor (najis), itu adalah daripada pekerjaan syaitan. Maka hendaklah kamu jauhinya. Mudah-mudahan kamu termasuk di dalam golongan orang yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum negara kita adalah terdiri dari berbilang kaum dan agama dan mungkin Rang Undang-Undang ini masih wujud ialah untuk mereka yang bukan beragama Islam sahaja tetapi tahukah kita semua, walaupun kasino di Genting Highlands itu tidak dibenarkan kepada orang-orang Islam masuk ke tempat perjudian tersebut, tetapi kalau kita fikirkan ataupun kalau kita perhatikan masih ada juga mereka yang berdegil memasukinya walaupun kiranya mereka memasuki ke tempat itu akan didenda dan dihukum.

Walaupun dilarang dan ditegah oleh agama dan Undang-undang cip-

taan manusia, tetapi masih ada di antara manusia-manusia Islam yang cuba melakukan dengan apa cara sekali pun. Maksud saya takkanlah pegawai agama yang hendak menangkap mereka itu dua puluh empat jam sentiasa berada di situ - maka sudah tentulah masih ada ruang-ruang kepada 'tahi judi' itu untuk memasuki ke tempat ini kerana daripada pengalaman saya semasa melawat di sekitar Bukit Genting itu, saya difahamkan begitu mudah untuk memasuki ke tempat perjudian itu, iaitu di kala tidak ada pegawai-pegawai agama di situ.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-Undang Perjudian ini hanya pindaan sahaja kepada Rang Undang-Uudang ini telah sedia ada, tetapi ingin saya mengesyorkan supaya Rang Undang-Undang ini diperkemaskan lagi dan pihak pemerintah hendaklah bersifat tegas di dalam mengambil satu-satu tindakan terutamanya di dalam menghadapi perkara-perkara fasik seperti ini kerana ketegasan dan keberanian adalah benteng yang kuat dari sesuatu ancaman dan kalau boleh diharamkan langsung kerana walau apa pun Rang Undang-Undang diwujudkan, judi tetaplah haram dan dicadangkan juga di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan tidak menggalakkan penganut-penganut agama Islam bekerja di tempat-tempat perjudian seperti di tempat-tempat nombor ekor, toto dan sebagainya sebab kita tahu orang-orang asinglah yang menjadi taukeh-taukeh besar dan orang-orang Islam yang menjadi orang-orang suruhan.

Hanya keimanan yang teguh sahajalah yang dapat menghindarkan seseorang itu terjebak ke lembah perjudian. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-Undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 ini diluluskan, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

4.13ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Rang Undang-Undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan).

Malaysia boleh dianggap sebagai suka perjudian. Ini adalah kerana rakyat diberi peluang menyertai berbagai jenis judi baik haram maupun halal. Jenis judi yang halal ialah seperti Kasino di Genting Highlands yang disebutkan oleh ramai Ahli-ahli Parlimen di Dewan **ini**, empat nombor ekor, toto, tiket loteri, lumba kuda dan sebagainya.

Sementara itu, jenis judi yang haram ialah seperti empat nombor ekor yang dijual secara haram permainan daun terup, malahan pertandingan bolasepak yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Haji Ibrahim - pertandingan bolasepak di antara Kuala Lumpur dengan Sarawak dan juga pilihanraya. Ini adalah melibatkan perjudian secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengalu-alukan langkah Kerajaan yang menaikkan cukai judi demi menambah pendapatan negara disamping bertujuan menghentikan kegiatan perjudian yang haram. Akan tetapi, kalau dikaji secara mendalam, kita akan dapati bahawa sekiranya terlalu banyak kegiatan perjudian dibenarkan, ini akan membawa kesan buruk terhadap negara dan rakyat.

Tuan Yang di Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa asyik berjudi akan menyebabkan rakyat kehilangan semangat hidup. Mereka hanya bergantung kepada amalan berjudi untuk memperolehi wang. Lama kelamaan mereka akan menjadi malas dan bersikap negatif terhadap pekerjaannya.

Bagi murid-murid sekolah pula, kalau mereka kaki judi maka pelajaran mereka tentu akan terjejas. Sementara itu terdapat juga wanita, saya minta maaf, yang sanggup melacurkan diri demi memperolehi wang untuk berjudi. Selain daripada **itu**, terdapat juga setengah-setengah golongan yang sanggup merompak atau menipu demi memperolehi wang untuk berjudi. Kesemua contoh ini jelas menunjukkan kegiatan perjudian ini tentu akan menjadikan pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari betapa besamya ancaman kegiatan perjudian itu terhadap pembangunan negara dan rakyat, maka says menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji semula langkah Kerajaan yang membenarkan berbagai kegiatan perjudian berleluasa. Saya mengakui memang susah mengharamkan kegiatan perjudian seratus peratus di negara kita. Akan tetapi, saya ingin mencadangkan supaya menghentikan pengeluaran lesen perjudian yang baru di samping mengambil tindakan keras terhadap segala jenis perjudian yang dijalankan secara haram.

Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan menggubal undang-undang untuk mengawal dan mengikis media massa dipergunakan oleh setengah-setengah syarikat atau badan perjudian dari menggalakkan aktiviti-aktiviti perjudian melalui pengiklanan sebaran am yang semakin berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin tahu berapakah jumlah lesen perjudian yang ditarik balik selama ini dan berapakah jumlah kegiatan perjudian yang dijalankan secara haram telah ditumpaskan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Hamid Araby.

4.21 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan sejawat saya telah banyak berhujah dalam perkara haramnya perjudian terbuka dan perjudian tertutup. Sebentar tadi rakan saya juga telah menyentuh tentang judi halal.

Saya tidaklah pula ingin membangkitkan lagi isu-isu ini. Kepada orang-orang Islam, yang haram itu tetap haram. Tidak ada

haram kelas satu, kelas dua atau kelas tiga. Janganlah ada di kalangan orang-orang Islam di Malaysia ini yang suka minum arak, gemar berjudi, berminat pula membuat fitnah ke sana sini dan banyak membuat maksiat dan anehnya juga di kalangan orang Melayu, orang Islam pula, kita memandang jijik tentang daging babi, pantang disentuh dan juga dijamah. Jika daging babi itu haram tulen, maka segala-gala perbuatan yang lain juga haram. Jadi, perbuatan yang ditegah oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala itu yang haram itu tetap haram dan dosanya besar juga. Mungkar itu tetap mungkar.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya melawat ke Amerika Syarikat iaitu di Las Vegas dan juga Nevada, tempat ini terbuka kepada semua orang. Maklumlah di Amerika Syarikat, tempat ini khusus kasino yang boleh dikatakan yang hebat. Apakala saya bertemu dengan beberapa orang penuntut dari Malaysia yang terdiri daripada anak-anak Melayu kita, mereka ini saya bertemubual. Mereka ini bekerja di tempat perjudian kasino itu. Kemudian saya bertanya, macam mana awak bekerja di tempat ini, tempat ini untuk orang berjudi. Kata dia, pakcik, pembayarannya baik dan lumayan. Kerja ini adalah kerja sambilan. Saya bertanya balik, adakah kamu tahu atau tidak bahawa perjudian ini haram kalau kita bekerja di tempat perjudian pun haram juga. Kata dia, tak apalah pak haji. Kemudian saya tanya pula jenis-jenis pemainan di situ. Dia kata, semua dia tahu, segala jenis permainan itu ada taktik yang tak baik pun dia tahu.

Jadi, cubalah kita lihat bahawa kadang-kadang orang kita di luar daripada Malaysia ini, dia melibatkan diri juga dengan judi, lebih-lebih lagi penuntut-penuntut kita. Jadi, apakala saya bawa

kepada makluman Jabatan Penuntut Malaysia (MSD), mereka seolah-olah serasa terperanjat, tidak mengetahui hal ini. Cuma saya nenasihatkan supaya pegawai-pegawai MSD ini kerap kali melawat di universiti-universiti dan mengkajilah ataupun monitor kegiatan penuntut-penuntut kita, anak-anak Melayu kita di sana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara judi yang ditegah tetapi yang dibenarkan ini telah banyak diperbincangkan, yang mana sedikit sebanyak kesannya dapat dilihat akhir-akhir ini. Maksud saya yang saya kata "benar" itu adalah lesen yang diberikan itu dianggap "dibenarkan" walaupun judi itu haram.

Satu kesan yang baik yang saya lihat akhir-akhir ini, judi mesin ataupun, dengan izin, One Arm Bandit dan juga dikenal sebagai slot machine, jackpot machine yang mana kita telah berbincang tempoh hari dengan hebat. Judi yang banyak didapati di kelab-kelab rekreasi, ini kelab moden maknanya yang dikatakan kelab, yang didaftarkan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kemudian apabila dapat kelulusan, Kementerian Kewangan pula mengeluarkan lesen. Operasinya hebat, bermacam-macam jenis permainan ada tetapi yang hebat sekali itu adalah jackpot machine. Tetapi akhir-akhir ini, apakala Kementerian telah ambil tindakah mengurangkan iaitu bilangan mesin sehingga hanya tinggal 40% sahaja, 60% itu ditarik balik. Ini satu perkara yang baik dan saya ucapkan syabas. Saya pun faham, ada kemungkinan Kementerian itu tak dapat tarik balik 100% kerana mesin-mesin itu mahal.

Yang kedua, mereka itu telah merayu untuk menyambung lagi, kerana tanpa mesin itu mungkin kelab-kelab itu gagal. Walau bagaimanapun, sudah saya difahamkan ramai daripada taukeh-taukeh dan

syarikat-syarikat yang memiliki kelab-kelab ini sudahpun merayu kepada Kementerian yang berkenaan agar mengekalkan bilangan-bilangan mesin yang mereka membelinya yang mana telah diberi kelulusan terlebih dahulu.

Jadi, dalam hal ini, saya mintalah Kementerian berkenaan dan merayu agar tak usahlah layan lagi iaitu rayuan mereka jika hendak dikekalkan 40% itu kekalkanlah, kerana saya juga faham, saya di Pulau Pinang, saya ingat banyaklah, yang saya tahu yang halal itu betul-betulnya adalah 8 pusat, yang tak halal itu banyak. Rumah mereka itu dijadikan pusat di mana boleh mereka menjalankan kegiatan perjudian dengan slot machine. Jadi, kalaularah sekiranya kita tak benarkan, saya faham juga masalah Kementerian ini. Kalaularah 40% itu pun ditarik balik, maka akan lebih hebat lagi kegiatan aktiviti-aktiviti haram ini.

Jadi, selain daripada itu hanya kita boleh harapkan anggota-anggotanya atau ahli-ahli kelab itu dapat mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang baik yang dianjurkan oleh Kelab **itu**. Banyak juga aktiviti yang saya dapati seperti sukan dan physical fitness, dengan izin, kesihatan jasmani dan cara-cara mempertahankan diri dan sebagainya aktiviti ini dijalankan. Jadi, mungkin jugalah dengan 40% yang dikekalkan itu kelab-kelab ini dapat dijalankan, dapat menyambung aktivitinya.

Saya ingin juga menarik perhatian Kementerian berkenaan iaitu Kementerian Kewangan, perlulah dikenakan syarat yang ketat sebelum meluluskan lesen-lesen yang lain. Misalan kalau sekiranya lesen yang diluluskan jackpot **itu**, one arm bandit itu belum lagi dikenakan syarat, perlulah dikenakan syarat iaitu papan ataupun tanda di luar menyebutkannya "Orang-orang Islam tidak boleh menyertainya." Dan kelab itu tidak boleh menerima orang-orang Islam menjadi anggotanya. Dengan harapan dengan adanya papan tanda seperti itu tuan punya tidak akan membenarkan orang Islam masuk di kelab itu untuk berjudi kerana orang-orang Islam ini tidak dibenarkan pergi ke casino. Jadi sekarang ini mudah sahaja. Orang-orang Melayu Pulau Pinang tidak perlu pergi ke casino, mereka boleh jadi anggota kelab ini.

Saya lihat perkara ini boleh memberi kesan sedikit kerana rumah-rumah urut di Kuala Lumpur dan juga di pekan-pekan besar sudah pun mengamalkan sistem **ini**. Mereka menulis di papan tanda di luar

itu memberi amaran tidak membenarkan orang Islam memasukki rumah urut itu. Saya juga difahamkan melalui rakan-rakanlah yang tahu hal ini, yang diurut itu juga tidak terdiri daripada orang Islam kerana mereka takut kalau dibenarkan lesennya akan dirampas. Ini satu cara berkesan juga, harus sistem ini diamalkan, disambung lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, budaya judi di kalangan orang-orang bukan Islam sukar benar hendak dihapuskan begitu sahaja. Kalau tidak diberi lesen, permit, membenarkan mereka menjalankan kegiatan loteri, toto, tikam ekor, lumba kuda, Pan Malaysian Pool **Sdn. Bhd** yang baru ini pula. Saya pun pelik sungguh dengan Kerajaan kita kadang-kadang **ini**, sudah ada lumba kuda macam-macam, beri satu lagi pula Pan-Malaysian Pool **Sdn. Bhd**, yang lumba kuda itu dengan cara dibeli tiket dia boleh menyertai. Selain daripada yang rasmi kedal-kedai yang menjual tiket lumba kuda **itu**. Ini sepatutnya tidaklah dibenarkan. Kegiatan berjudi tidak boleh dihentikan begitu sahaja. Ini kita faham kerana judi haram dijalankan secara sulit ini tetap akan bertambah dan payah dikawal dan jenayah juga akan bertambah. Jadi ada yang benarnya itu kita kena sebut juga, kerana kawasan saya dulu ada orang pergi menulis nombor ekor, tetapi cara illegallah, secara haram. Tetapi oleh kerana yang halal itu sudah ada, bagi dia itulah halal, bagi kita haram juga. Dia ini kurang penyertaan. Jadi yang taukeh-taukeh yang sponsor ini pun tidak banyak, dia orang pergi ke tempat-tempat, ke pusat-pusat di mana ada permit mereka beli. Ini boleh dikatakan satu kejayaan di segi mengawal dan mengkontrol.

Jadi, kalau sekiranya tidak diberi lesen terus pun mungkin masalahnya akan timbul. Oleh kerana negara Malaysia ini negara yang majmuk di mana orang yang benar-benar gemar berjudi ini adalah kaum orang-orang Tionghua. Dia ini menggelisah; faham apa yang dikatakan oleh ustaz tadi itu betul, kalau tidak berjudi maka tidak sempurnalah hidupnya **itu**. Bukanlah semuanya tetapi yang maksud aaya ini bilangan yang minat bersungguh-sungguh yang berjudi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Kewangan untuk membanteras ketua-ketua sindiket loteri ataupun perjudian secara besar-besaran itu patutlah disokong. Sebaliknya pula perlaksanaannya Itulah saya berharap perlaksanaan itu dijalankan secara baik dan teratur dan perlulah pegawai-pegawai yang tertentu dilatih untuk memberkas mereka ini. Sindiket ini bukan semua dari Malaysia, Mereka ini adalah dari luar negeri. Mereka pintar dalam menjalankan urusan perniagaan mereka itu. Maka saya berharaplah jangan ada sahaja undang-undang ini dipinda dengan harapan kata kita boleh memberkas sindiket-sindiket besar ini dan menghukumkan raereka dengar mandatori penjara dua tahun dan 520,000 denda. Ini akan tinggal di surat sahaja atau tinggal undang-undang sahaja.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, pindaan Rang Undang-undang ini dibincang dengan teliti dalam Kabinet di mana ketua-ketua parti dalam Barisan Nasional yang mewakili majoriti kaum-kaum dalam Malaysia ini telah menyokong dan memberi jaminan untuk bekerjasama dalam menguatkuasakan Rang Undang-undang ini dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi apabila sudah lulus dalam Parlimen Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr

Mahathir, Perdana Menteri kita saya percaya beliau berpandukan kepada Firman Allah yang bermaksud "meraka bermesyuarah dan bertukar-tukar fikiran dalam memutuskan sesuatu perkara. Apakala kamu berazam maka bertawakallah kepada Allah, nescaya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal."

Saya dengar beberapa ucapan rakan-rakan saya menegur Menteri, Timbalan Menteri semalam agar berwaspada sebagai seorang Islam maka janganlah menghalalkan yang haram itu. Itulah maksudnya.

Saya sebagai orang Islam saya sendiri tidak akan menghalalkan yang haram. Mungkin oleh kerana negara kita ini ramai orang-orang bukan Islam maka sedikit sebanyak kelonggaran diberi. Inilah maksud yang saya sebutkan tadi mereka bermesyuarat dan bertukar-tukar fikiran. Jadi, Yang Amat Berhormat dan juga Menteri-menteri yang lain apakala sudah pun bersetuju, sudah bermuafakat ataupun sudah bersetuju untuk mengetatkan undang-undang ini, perlulah kerjasama yang sepenuhnya daripada peringkat atas sehingga rakyat jelata. Jika tidak ada kerjasama, tidaklah dapat kita memberkas ataupun menghasilkan apa yang kita usahakan **itu**. Maka dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

4.40 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menunaikan satu tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan yang mana saya terpaksa bercakap dan memberi sokongan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sama kita maklum, negara Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya majmuk, ertiinya berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang berbagai lagi sehingga Kerajaan yang memerintah yang diberi mandat oleh rakyat untuk menjaga Malaysia ini ialah Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang mempunyai parti-parti politik yang berlainan ideologi tetapi dapat menyatukan demi kepentingan negara Malaysia.

Oleh hal yang demikian, saya adalah seorang daripada warganegara Malaysia, bangsa Melayu yang beragama Islam yang mempunyai perasaan bahawa tidak ada lagi negara kepada saya setain daripada Malaysia. Tidak ada tempat kepada saya untuk saya menjalani atau bekerja, atau duduk ataupun bebas kecuali di Malaysia. Di negara lain terpaksa saya kena mengadakan satu pasport yang terpaksa mendapat kebenaran dan berbagai-bagai macam lagi.

Oleh hal yang demikian, sebagaimana yang saya sayang kepada diri saya sebagai orang Islam dan orang Melayu, saya sayang kepada seluruh kawan-kawan dan warganegara Malaysia, tidak terkecuali apa bangsa, sama ada bangsa Cina, India, Nasrani dan sebagainya.

Perasaan kasih sayang kepada mereka samalah dengan saya sayangkan diri saya sendiri. Oleh hal yang demikian, terpaksa saya bercakap apa yang akan terlibat ke atas diri saya, terpaksa saya bercakap kepada saudara-saudara saya yang lain. Dengan hal yang demikian, saya berterima kasih kepada Kerajaan terutamanya kepada Menteri Kewangan yang mana sudah menunjukkan satu petanda ataupun boleh dikatakan lampu hijau yang membanggakan kepada kami orang-orang Islam khasnya dan amnya kepada seluruh rakyat yang berada di Malaysia ini iaitu sebagaimana yang kita pemah dengar, pemimpin agung kita yang dikasih Perdana Menteri kita berucap, kita muh menerapkan Islam di dalam pentadbiran negara Malaysia.

Ini mengikut fahaman saya bukan bererti Perdana Menteri akan mengislamkan orang-orang yang bukan Islam tetapi kehendak dan hasrat Perdana Menteri berkemungkinan besar muh semua rakyat Malaysia ini menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara yang lain, sebagai manusia yang dapat mengekalkan perikemanusiaan. Sebab sebagaimana yang sama kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, manusia ini kalaular akal fikiran mereka telah dikalahkan oleh hawanafsu, mereka lebih ganas daripada harimau, lebih jahat daripada jenis-jenis haiwan yang jahat. Sebagaimana yang pernah kita saksikan, perkara yang pernah berlaku, berapa ratus, berapa ribu kes rogol yang pernah dilaporkan? Adakah ini perikemanusiaan? Adakah ini manusia? Walaupun apa bangsa, walaupun apa agama, adakah rogol ini diizinkan sesuai dengan manusia? Tidak. Sifat rogol ini adalah sifat haiwan. Maaf, Tuan Yang di-Pertua, barangkali perkataan ini mungkin kasar sedikit, sebab saya sebut perkataan "haiwan" dalam

Dewan yang mulia **ini**, tetapi terpaksa. Ini sudah keluar manusia itu daripada insaniah, kata orang Arab, daripada perikemanusiaan, tidak kira apa bangsa, tidak kira apa agama.

Dengan sebab itulah pihak pemimpin agung kita sedikit demi sedikit menerapkan, sebagaimana yang kita maklumi sekarang, yang kita anuti, yang kita sedang bahaskan, daripada denda yang kecil kepada denda yang banyak, daripada tahanan yang tidak lama kepada tahanan sampai lima tahun. Ini ertinya hendak menerapkan sifat perikemanusiaan ke dalam jiwa rakyat jelata yang ada di dalam Malaysia **ini**. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, adakah jenis manusia walaupun apa agama yang mengatakan judi ini perkara bagus?

Kalau yang patut kita ambil, yang patut kita galak, yang patut kita mengadakan supaya anak buah kita, rakyat jelata kita, zuriat kita menjadi orang berjudi, adakah semua bangsa yang mengaku perkara ini molek? Barangkali mengikut pengetahuan cetek yang ada pada saya, Tuan Yang di-Pertua, barangkali tidak ada manusia yang akalnya waras yang mengatakan judi ini adalah perkara yang patut diwarisi, yang patut dipelihara. Barangkali tidak ada sebab saya mendengar sekejap tadi saudara kita Yang Berhormat, kalau kira beliau bukan orang Islam, saudara kita Yang Berhormat ini tetapi beliau pun sama juga dengan kita berhati tidak bersetuju dan begitu juga seterusnya daripada kawan-kawan kita, kita tidak pernah mendengar lagi satu berita ataupun satu sejarah atau buku sejarah ataupun apa-apa bangsa yang membuktikan bahawasanya perusahaan judi ini adalah satu perkara yang membanggakan, satu perkara yang menguntungkan, satu perkara yang menyelamatkan sebuah negara. Ini tidak **ada**. Bahkan kita tahu daripada titik Raja-raja Melayu kita dahulu bahkan kerana judi **ini**-lah tergadainya negeri yang bersejarah-sejarah. Begitu juga dengan sejarah-sejarah yang lain.

Oleh hal yang deraikian, Tuan Yang di-Pertua, tinggi langit tinggi harapan saya sebagai Ahli Dewan, sebagai orang Islam, sebagai orang yang bertanggungjawab kepada negara Malaysia, berharap kepada pihak Kerajaan, jangan lagi kita ada yang haram, jangan lagi kita ada yang halal bahkan haramkan semuanya.

Saya amat terkilan yang perkara ini telahpun tidak ada manusia yang mengatakan bagus tetapi kenapakah kita ini tidak sanggup lagi membuat demikian? Saya telah bertanya saudara Timbalan Menteri dahulu dalam soalan tambahan, adakah membawa kepada bangkrap kepada negara kalaualah Kerajaan tidak mengeluarkan lesen judi, kalaualah

tidak mengadakan loteri dan sebagainya. Beliau menjawab, tidak akan jadi bankrap. Tidak menjadi bangkrap negara kita kalau tidak mengharamkan judi. Tetapi fasal apa kita tidak haramkan? Apa gunanya kita mengadakan pelajaran pendidikan kalau kita mengemukakan perkara yang merosakkan kepada akhlak? Beratus ribu juta wang ringgit kita habis untuk hendak menyelamatkan jenerasi kita tetapi kita buka di belakang pula untuk merosakkan generasi kita. Apa faedah macam ini? Mengikut pendapat saya, tidak ada. Dengan sebab itulah, walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah saya kata pada awal tadi, saya berterima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana telahpun memberitahu kepada pemimpin-pemimpin kita yang maknanya sedikit demi sedikit, tetapi, bila lagi masanya kerana sudah 32 tahun. Betullah kalau setahun, 5 tahun, 6 tahun, 7 tahun, tidak apa sebab ayat yang Tuhan turunkan, ayat judi ini pun secara beransur-ansur di tanah Aran.

Mula-mula Allah Taala menurunkan ayat yang maksudnya; Tuhan memberitahu selagi mana mereka itu penduduk-penduduk Arab akan dikawal oleh Muhammad daripada arak dan judi, Tuhan memberitahu kepada Muhammad, Allah akan tanyaMu Muhammad, kata Tuhan, "beritahu oleh mu pada arak dan judi, dosa yang besar, kemudaratan yang besar dan memberi guna kepada manusia dan dosa yang kedua-duanya lebih besar daripada manfaat kedua-duanya". Jadi ertinya bolehlah kita buat sedikit-dikit pada permulaannya, tetapi oleh kerana keadaan masyarakat Arab di masa itu makin sehari makin kuat, makin sehari makin merana, makin sehari makin sudah keluar daripada insaniah, Tuhan turunkan ayat memutus sebagaimana Yang Berhormat saudari kita membaca ayat tadi, "arak, judi, anzab dan azlah najis daripada pekerjaan syaitan bukan pekerjaan manusia". Sudah keluar daripada

batasan insaniah dan kata Tuhan maka jauhilah kamu akan dia, tetaplah kamu mendapat kemenangan. Ini bererti Tuhan beransur-ansur beginilah kemungkinan pihak Kementerian kita membuat secara beransur-ansur, insya Allah sedikit hari lagi, kita akan hapus semuanya hatta kepada Loteri Kebajikan Masyarakat pun kita akan hapuskan, insya Allah. Itulah doa kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, umpamanya orang kata saya tak pernah pergi ke Genting Highlands - saya pergi ke Genting Highlands itu untuk melawat tetapi satu tempat saya tidak pernah pergi. Katanya sekarang telahpun diharamkan kepada orang-orang Islam. Fasal apa ini? Adakah kita sayang kepada orang Islam dan orang Melayu sahaja yang mudarat? Kita tidak sayang kepada saudara kita yang lain? Ini masalah, adakah kita sanggup melihat bangsa Cina, India dan sebagainya merana habis harta benda demi untuk berjudi hawa nafsu ataupun suruh kita rehat? Adakah kita mahu orang Melayu, Islam sahaja yang selamat? Pendapat saya tidak begitu. Sebagaimana saya katakan tadi, sebagaimana saya sayangkan diri saya, saya sayangkan kepada kawan-kawan saya yang senegeri dan senegara. Saya sayang! Oleh hal yang demikian, saya berharap kepada Kerajaan, haram terus, tidak kira apa bangsa, tutup pintu, tidak benar, tidak ada judi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berani berterus terang. Saya sanggup merana, kalau tidak ada duit judi, tidak apa saya sanggup makan nasi sekali sehari. Saya sanggup kurang elauan saya, saya menjadi Senator ini, kalau Kerajaan kata hendak potong \$500 umpamanya, saya sanggup berikan asalkan berhenti judi. Kalau Kerajaan hendak kata kerana hendak bayar gaji tidak boleh, kalau tidak ambil hasil daripada judi. Saya sanggup beri \$1,000 pun boleh tetapi dengan syarat haramkan judi. Sebab saya memandangkan perkara ini adalah perkara yang akan merosakkan kepada seluruh ummah, seluruh bangsa yang kita sayangi. Kita sayang kepada apa bangsa, kita mahu semuanya bagus, semuanya duduk dalam keadaan aman, damai, bersukaria membuat perkara baik, berniaga mencari wang ringgit dan memberi bantuan kepada yang susah dan beribadat mengikut agama yang mereka anuti.

Sebab semua bangsa pun beragama, saya sebut komunis - komunis diharamkan, tidak ada bab kita. Semua agama, mereka percaya pada agama mereka masing-masing, kita pakat beribadat mengikut agama masing-masing, pakat kita bekerja, pakat kita bersuka-suka, pakat kita mencari wang ringgit demi kepentingan agama, bangsa dan negara,

Saya berasa perasaan saudara-saudara kita daripada bangsa Cina, India dan lain-lain tidak ada lain bumi yang dipijak, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kita barangkali,dia dilahirkan di Malaysia, dia anak Malaysia sejati. Walaupun kita kata Hong Kong **ada**, India **ada**, kalau dia hendak pergi, pergilah, serupa kita juga, sama dengan kita, tentu sekali dia sayang, tentu sekali dia sayang kepada tanah air sama dengan kita, dengan sebab itu apa perkara yang merosakkan kepada orang Melayu, kita mesti hapuskan dan kita percaya kepada bangsa lain tidak akan membuat tentang.

Umpamanya kita katalah kalau kita haramkan semua judi, saya rasa bangsa lain tidak akan tentang, kita tahu kaedah peraturan-peraturan mengikut sistem Islam, dia ada cara, kalau mudarat cara lain, tak mudarat cara lain. Ini kaedah Usuluddin, Tuan Yang di-Pertua, mengikut dalam kaedah hukum Islam, menolak kemudaratan dan didahului daripada melalui manfaat. Ini kita fikir tak ada mudarat, barangkali semua bangsa pan setuju, dengan sebab ini sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan sudah acap kali saya merayu,

bercakap acap kali tetapi terpaksa, selagi saya ada hak bercakap, saya mesti bercakap dan merayu, insya Allah, saya berdoa, insya Allah semoga kita akan menjadi satu bangsa yang benar-benar bangsa yang bertanggungjawab kepada negara.

Kita tidak mahu jadi bangsa yang pemalas, bangsa yang berangan-angan, bangsa yang sanggup menipu bangsa yang sanggup menjual dan menggadai harta benda, harta pusaka, ibu bapa, rumah tangga, habis sanggup dijualnya. Perkara **ini**, kita rasa amat sedih, banyak daripada orang-orang kita tidak kira daripada apa bangsa, kalau sudah masuk penyakit muka berjudi ini habislah, habis subang di telinga anaknya yang tidur dicuri, gelang di tangan anak habis, anak dia seorang yang baru lahir, 'bercukur' - orang Melayu ini buat gelang, gelang cukur, tetapi dia curi tengah malam gelang anak dia kerana hendak main judi, manusia apa macam **ini**, mudaratnya benda ini. Jadi adakah Kerajaan sanggup melihat bangsa kita jadi begitu. Tentu kita tidak aanggup, apa tidak ada jalan lain, kalau boleh kita haramkan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan sebelum diharamkan semua ini kepada Kementerian Kewangan, kalau boleh carilah, jangan lagi sebut kata berjudi halal, berjudi haram, jangan sebut haram-halal, sebab dalam Islam itu setitik sangat di antara haram dengan halal. Walaupun hendak buka sekuraag-kurangnya kata judi ini boleh buka, dan yang ini tidak boleh buka, itu tahan sedikit, maknanya perkataan itu jadi halal-haram. Kalau boleh, cuba fikirkanlah cara mana, sebabnya mudah demo duduk, orang-orang parti Pembangkang pun yang dia kata Kerajaan kita tidak Islam inilah dia. Satu daripadanya parti Pembangkang yang menyebabkan dia kata orang UMMO tidak Islam, inilah dia kita kata menghalalkan judi, dia kata ada judi ini halal, ada judi haram.

Pada kita istilah halal-haram itu lain, bukan haram hukum tidak, hukumnya istifak sudah haram, walaupun apa judi, tetapi maknanya boleh buka. Kita tegah dia - tidak ditangkap oleh Polis, maksudnya begitu dengan sebab itu saya mengesyorkan kalau boleh carilah nama lain, jangan babitkan haram-halal itu, tidak sedap dengar sangat, susah, kita orang politik ini pun susah, begitulah. Jadi katalah macam saya, orang bertanya "Macam mana tok guru, demo kata ada judi halal" berat kita dibuatnya. Kena bersyarah panjang demo pula. Pernah saya pergi ke salah satu kampung berkempen pilihanraya, mereka bertanya "bagaimana tok guru, orang UMNO kata halal judi ini", saya kata, "halal bilanya - tak ada halal," itu katanya. Kata boleh, lagu lain, boleh cegah dia kata. Hukum haram apa guna, sebab itu, saya kata, carilah caramana kalau boleh supaya tidak keliru sangat benda ini. Penerangan yang betul adalah perlu, insya Allah kita akan hapuskan belaka.

Saya rasa itulah sahaja penerangan saya pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan buat akhirnya saya menyokonglah Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi orang yang hendak berbahas dalam Rang Undang-undang ini? Kalau tidak, kita hendak jemput, Timbalan Menteri memberikan jawapan.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang berhormat Menteri Kewangan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Puan Hajjah Habidah binti Jusoh, Tuan Tan Chai Ho,

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih dan juga Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan), 1989. Dan juga telah memberi pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan yang bemas dan membina bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas, yang lebih berkenan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan judi dan pertaruhan haram di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan akan meneruskan usaha mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini agar kegiatan judi dan pertaruhan haram tidak merebak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin ingin tahu istilah 'judi terbuka'. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 'judi' bermakna bermain apa-apa permainan yang mengandungi unsur ketentuan nasib, atau campuran ketentuan nasib dan kepintaran dengan pertaruhan wang atau apa-apa benda yang ada nilai wang termasuk permainan yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama dan Kedua Akta ini. Dengan ini bermakna apa sahaja jenis permainan yang mengandungi unsur pertaruhan wang, atau benda-benda lain yang mempunyai nilai wang yang bergantung kepada sesuatu keputusan adalah merupakan judi. Jika seseorang berjudi di dalam sebuah rumah perjudian terbuka boleh melakukan satu kesalahan juga, rumah perjudian terbuka adalah termasuk mana-mana tempat yang dikhaskan atau digunakan bagi maksud judi di mana orang awam atau satu kumpulanwang awam boleh memasuki ke dalamnya atau mana-mana tempat; yang dikhaskan sebagai tempat amalan judi sama ada orang awam ataupun sebahagian daripada orang awam boleh masuk ke dalamnya atau tidak, atau mana-mana tempat yang dikhaskan atau digunakan bagi maksud loteri awam atau mana-mana tempat di mana terdapat 8 atau lebih orang berjudi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon juga bertanya sama ada orang-orang menjual kertas yang mengandungi keputusan Loteri di jalan-jalan raya melakukan kesalahan di bawah Akta ini. Mana-mana orang yang mempamerkan keputusan sesuatu loteri awam ada Lah melakukan kesalahan di bawah seksyen 4 (a) yang dicadangkan itu. Walau bagaimanapun, seseorang itu tidak melakukan kesalahan jika keputusan yang dipamerkan itu adalah berhubung dengan jenis-jenis judi yang telah dibenarkan oleh undang-undang. Jadi, sama ada seseorang itu melakukan kesalahan atau tidak di atas perbuatannya itu adalah bergantung kepada jenis keputusan loteri yang dipamerkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon telah menimbulkan soal pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang ini. Mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang ini dan juga undang-undang lain berkaitan dengan perjudian, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa pihak Polis akan menjalankan penguatkuasaannya dan pihak penguatkuasa akan sentiasa menjalankan tugas-tugas mereka dengan adil dan saksama.

Yang Berhormat Puan Ainon juga telah mencadangkan supaya Padang Lumba Kuda di Jalan Ampang, Kuala Lumpur dipindahkan ke suatu tempat yang berjauhan dari pusat bandar. Di sini sukalah saya memaklumkan sahawa Kerajaan telahpun mengambil balik tanah tersebut dan pihak Kelab Lumba Kuda Selangor telahpun mendapatkan tapak yang baru di kawasan Sungai Besi untuk dijadikan Padang Lumba Kuda yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon juga telah meminta supaya diberitahu jumlah lesen Agensi Empat Nombor Ekor yang ada sekarang. Sukalah dimaklumkan jumlah lesen agensi Empat Nombor Ekor yang telah dikeluarkan setakat ini adalah 517. Berhubung dengan pengeluaran lesen perjudian, Kerajaan telah memutuskan bahawa tiada lagi lesen baru bagi apa juga jenis perjudian akan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah meminta supaya jenis judi perlu disenaraikan untuk menunjukkan mana yang halal dan mana yang haram, yang sebenarnya ialah maha yang berlesen dan mana yang tidak berlesen. Undang-undang tidak perlu menyenaraikan jenis-jenis judi yang halal dan yang haram oleh kerana apa sahaja jenis yang tidak diluluskan atau dibenarkan oleh undang-undang itu adalah haram. Makna haram di sini tidak ada hubungkait dengan istilah halal dan haram dari segi agama. Memang benar di segi agama Islam, apa jenis judi sekalipun adalah haram. Istilah haram yang digunakan di sini bermaksud yang tidak mendapat kelulusan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim telahpun meminta supaya disenaraikan jenis-jenis aktiviti perjudian yang dilesenkan oleh Kerajaan. Sukalah dinyatakan bahawa aktiviti perjudian yang dilesenkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan anjuran Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.
- (ii) Aktiviti Kasino anjuran Genting Berhad.
- (iii) Aktiviti Sports TOTO dianjurkan oleh Sports TOTO Malaysia Berhad.

- (iv) Aktiviti Empat Nombor Ekor (4 Digit) anjuran Magnum Corporation Berhad.
- (v) Aktiviti pertaruhan Lumba Kuda (On Course Betting) termasuk Tiga Nombor Ekor (3 Digit) anjuran Lembaga Totalisator Malaysia.
- (vi) Aktiviti 'Sweepstake' anjuran Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak.
- (vii) Aktiviti pertaruhan di luar gelanggang Lumba Kuda (Off Course Betting) anjuran Ascot Sports Sdn. Bhd., dan
- (viii) Aktiviti mesin slot anjuran Kelab-kelab, Syarikat dan Kelab-kelab Pertubuhan.
- Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim juga telah mencadangkan supaya diadakan juga peruntukan dalam undang-undang bagi melarang orang-orang Islam berjudi sebagaimana yang dikenakan kepada orang Islam yang masuk ke Kasino di Genting Highlands. Di sini sukalah dimaklumkan bahawa perkara ini melibatkan peruntukan undang-undang berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Oleh itu terserahlah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menimbangkan masalah ini adakah sesuai untuk mereka mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan atau dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tadi. Inginlah saya di sini menegaskan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan perjudian di

negara kita ini. Ke arah mengurang dan menghapuskan kegiatan judi haram, pindaan kepada undang-undang ini yang meningkatkan hukuman dan denda adalah perlu dan bertujuan untuk menyekat penganjur-penganjur melibatkan diri dengan kegiatan judi haram. Dengan adanya hukuman penjara mandatori, adalah diharapkan ini akan menjadi satu deterrent, dengan izin, kepada bakal-bakal penganjur judi haram. Dengan tiada atau kurangnya penganjur, maka peluang untuk berjudi akan juga berkurangan. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk memperketatkan syarat-syarat kepada pemegang-pemegang lesen judi dengan tujuan mengawal aktiviti perjudian. Ini semua akan menyukarkan orang ramai berjudi.

Antara langkah-langkah tersebut ialah dengan memasang papan-tanda di tempat-tempat perjudian yang dilesenkan yang berbunyi: "Judi adalah haram di sisi agama Islam" dan juga mlarang sama sekali kanak-kanak sekolah serta mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun masuk ke pusat-pusat perjudian dan mengadakan kawalan yang cukup ketat di pintu masuk ke bilik-bilik slot machine. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak ada dikeluarkan lagi dan jika perlu lesen-lesen perjudian yang wujud sekarang ini akan ditarik balik oleh Kerajaan. Segala langkah-langkah yang diambil ini adalah bertujuan pada keseluruhannya mengawal dan mengurangkan aktiviti perjudian.

Kepada Yang Berhormat Tuan Haji, kemungkinan pada satu hari nanti atau satu masa yang akan datang, perjudian akan dapat dihapuskan segala-galanya, insya Allah .

Tuan Yang di-Pertua, untuk perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan, Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Dengan ini sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman

[Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menentukan bahawa Bahasa Melayu hendaklah menjadi Bahasa Kebangsaan negara ini.

Fasal 4, Perkara 152 pula menentukan bahawa bahasa Inggeris bolehlah digunakan di mahkamah dalam tempoh 10 tahun dari hari merdeka. Akta Bahasa Kebangsaan telah diluluskan dalam tahun 1967 bagi melaksanakan ketetapan-ketetapan yang telah termaktub dalam Perlembagaan. Antara lain Akta tersebut menentukan peruntukan mengenai bahasa di mahkamah,

Seksyen 8 Akta tersebut memperuntukkan bahawa sesuatu prosiding di mahkamah boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris atau sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagian lagi dalam bahasa Inggeris. Mahkamah juga diberi kuasa demi kepentingan keadilan menentukan sama ada sesuatu prosiding menggunakan bahasa Inggeris ataupun Bahasa Kebangsaan keseluruhannya. Kita berbuat demikian ketika itu iaitu dalam tahun 1967 oleh kerana terdapatnya beberapa kelemahan dalam penguasaan Bahasa Kebangsaan. Lagi pula buku dan bahan rujukan undang-undang teramat kurang di dalam Bahasa Kebangsaan, Jika dilihat daripada Akta Bahasa Kebangsaan ini menunjukkan tidak ada perbezaan taraf kedua-dua bahasa ini dalam

mahkamah. Walaupun kita di pihak Kerajaan, sedar tentang beberapa tuntutan yang mahu mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya di dalam mahkamah, tetapi Kerajaan berpendapat demi keadilan seperti yang dituntut oleh sesetengah pihak yang terlibat, maka Kerajaan sanggup memberi sedikit masa bagi pelaksanaan pindaan Akta yang berada di hadapan kita hari ini.

Tuan Yang di-Partua, Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Akta Bahasa Kebangsaan ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada hari Isnin, 23hb Oktober, 1989. Semasa perbahasan yang panjang labar selama tiga hari, terdapat di kalangan pembangkang yang masih secara tersirat tidak inginkan kepada matlamat mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di tanahair kita sendiri. Terdapat di kalangan mereka yang sengaja mewujudkan unsur-unsur keraguan di dalam pindaan ini, kononnya keadilan tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak menggunakan bahasa Inggeris. Ada juga yang mengatakan bahawa ekonomi negara tidak akan berkembang. Saya dukacita dengan hujjah-hujjah ini yang menggambarkan kurangnya semangat ingin mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Pihak pembangkang seolah-olah bangga dengan bahasa asing.

Saya bimbang, walaupun ada di kalangan mereka menyokong ingin mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, tetapi tindakan dan kaca-kaca mereka tidak meyakinkan semangat ingin mendaulatkan bahasa yang semestinya kita cintai ini. Lain di mulut lain pula di hati. Percanggahan inilah yang akan melembabkan usaha Kerajaan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Jika berlaku kelembapan kepada perkembangan Bahasa Kebangsaan di mahkamah janganlah Kerajaan dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka selama 32 tahun. Tempoh ini terlalu panjang untuk mangatakan kita perlu lagi memberi masa kepada penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha untuk mengisi hasrat rakyat untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di semua sektor kehidupan harian. Tetapi penggunaan di mahkamah masih kurang memuaskan. Ke arah itulah maka Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan perlu dipinda sebagaimana yang terkandung di dalam Fasal 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini.

Seksyen 8 baru ini memperuntukkan sebagai kaedah am bahawa segala prosiding di mahkamah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Ini sekali gus akan meletakkan Bahasa Kebangsaan pada tahap sewajarnya, iaitu Bahasa Kebangsaan akan diberi keutamaan dan penggunaannya dalam mahkamah dan penggunaan bahasa Inggeris adalah sebagai pengecualian. Walau bagaimanapun, menyedari terdapatnya kes-kes yang kompleks, maka satu peruntukan telah diadakan di dalam seksyen 8 sini dengan memberi kuasa kepada mahkamah untuk menimbang dan memutuskan demi kepentingan keadilan, sesuatu prosiding boleh dijalankan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris. Ini hanya untuk kes-kes tertentu bergantung kepada budi bicara Hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin yang Hakim-hakim akan melaksanakan budi bicaranya dengan bijaksana. Hakim yang juga orang yang cintakan negara dipercayai melaksanakan fungsinya seiring dengan harapan dan aspirasi rakyat yang ingin menyaksikan Bahasa Kebangsaan benar-benar dihargai dan didaulatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya telah diberi maklum, mereka yang terlibat seperti Jabatan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara dan Hakim-hakim telah bersungguh-sungguh menerima pindaan

Akta ini. Begitu juga pihak-pihak lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Majlis Peguam dan Persatuan Peguam-Peguam Muslim telah juga bergandiag bahu dalam penerbitan Jurnal Undang-undang dalam Bahasa Malaysia. Jurnal ini sudahpun dilancarkan pada 4hb Disember, 1989 yang lalu.

Saya suka merakamkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Kehakiman yang telah mengambil langkah serta-merta mewujudkan Jawatankuasa bagi melancarkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah. Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara sendiri telah menubuh dan mempengerusikan Jawatankuasa Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah. Ini adalah di antara usaha-usaha yang patut kita beri pujian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berharap setiap orang yang terlibat dalam penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah iaitu Hakim-hakim, peguam-peguam dan pegawai-pegawaiannya menerima pindaan ini dengan perasaan gembira dan melaksanakannya dengan jujur dan bersungguh-sungguh. Jika penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah berjalan dengan baik seperti yang diharapkan, maka tidaklah perlu pindaan dibuat lagi kepada undang-undang ini pada masa yang akan datang.

Penggunaan Bahasa Kebangsaan yang berkesan di mahkamah ditentukan oleh para pelaksana undang-undang itu sendiri iaitu Hakim-hakim dan peguam-peguam. Jika para Hakim tegas dan bersungguh-sungguh dengan pelaksanaannya di mahkamah, ia akan diikuti oleh para peguam dengan sendirinya dan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang berjaya di mahkamah akan menggalakkan penggunaannya yang lebih luas di bidang-bidang lain.

Ini tidak dapat tidak akan diikuti oleh keyakinan terhadap penggunaannya yang lebih menyeluruh di segenap lapisan rakyat,

Bahasa adalah maruah bangsa. Jika kita sendiri tidak menghormati bahasa kita, maka janganlah kita kecewa kalau satu-satunya pusaka bangsa kita itu akan terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[**Dato Dr. K.S. Nijhar**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.

5.32 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang pertama kali untuk mengambil bahagian dan membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang baru sahaja dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah kita semua dengar hujah-hujah dan alasan-alasan yang telah diberikan.

Saya sendiri bangun untuk menyokong dengan sekuat-kuatnya pindaan Akta **ini**, malahan saya sendiri berasa bangga pada hari ini bahawa melalui Akta ini Bahasa Melayu yang dikenali sebagai Bahasa Kebangsaan akan digunakan di mahkamah. Kalau semua prosiding dijalankan di semua peringkat mahkamah, ini dengan secara langsung adalah suatu tindakan yang benar-benar positif dalam mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di negara kita ini.

Dalam keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, kita sama-sama mengakui bahawa masa telah begitu lama kita memberikan peluang untuk mengekalkan keadilan membenarkan penggunaan berbagai bahasa di mahkamah dan selama 30 tahun kita telah merdeka dan banyak usaha-usaha yang telah dibuat oleh semua agensi-agensi Kerajaan dan juga badan-badan lain yang telah mengeluarkan berbagai-bagai **istilah Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu**

yang dapat dipergunakan di negara kita **ini**, tetapi baru hari inilah Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan yang diakui sebagai bahasa nasional yang dapat menyatupadukan rakyat di negara ini benar-benar akan di-daulatkan.

Alasan-alasan yang diberikan tempoh hari ialah kerana terdapatnya kelemahan-kelemahan penggunaan bahasa dan juga kurangnya buku-buku rujukan dalam Bahasa Malaysia. Saya kurang yakin kurangnya buku-buku rujukan ini kerana setelah Dewan Bahasa dan Pustaka diwujudkan banyak buku-buku rujukan telahpun dikeluarkannya bukan sahaja dalam segi undang-undang tetapi juga dalam berbagai-bagai perkara yang telah diwujudkan, tetapi alasan yang sebenarnya ialah tidak ada minat dan tidak ada perasaan sebahagian daripada rakyat negara ini untuk menggunakan bahasa itu. Hanya dengan penguatkuasaan undang-undang atau membencangkan suatu Akta sahaja baharulah kita dapat menggunakan bahasa ini sepenuhnya, Negara kita sebenarnya negara yang didiami oleh berbilang kaum, berbilang bahasa dan budaya tetapi kita telahpun bersetuju di awal-awal kita mencapai kemerdekaan dahulu untuk mewujudkan suatu bahasa yang diambil dari Bahaa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan yang boleh digunakan, bukan sahaja di semua bidang tetapi dengan hasrat yang lebih dalam lagi iaitu untuk menyatukan semua bangsa yang mengaku negara ini negaranya dan taat setia kepada negara ini untuk menjadi perhubungan di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Kita meminda berbagai-bagai Akta, mewujudkan berbagai-bagai dasar pelajaran di mana hari ini di sekolah-sekolah rendah, di sekolah-sekolah menengah, di maktab-maktab dan juga di pusat-pusat

pengajian tinggi, kita telah menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya. Dan kita kedapatan anak-anak yang bukan dari warganegara Melayu atau daripada bangsa Melayu telah boleh menggunakan bahasa ini dengan sebaik-baiknya. Kita melihat pertandingan-pertandingan bahas malah juruhebah-juruhebah di radio dan televisyen yang bukan bangsa Melayu boleh menggunakan bahasa ini dan kadang-kadang saya mendapati bahawa mereka menggunakan bahasa ini lebih baik daripada orang Melayu sendiri. Jadi, alasan-alasan untuk tidak kita menggunakan bahasa ini tidak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada Ahli-ahli Dewan Negara ini pernah berjalan melawat ke negara-negara lain. Kita belum tengok negara-negara lain seperti negara kita, malah negara-negara itu bangga dengan bahasa sendiri, bangga dengan kebudayaannya sendiri, mereka tidak mahu menggunakan bahasa lain daripada bahasa mereka. Mereka maju. Sebuah negara yang telah ditimpa bahaya atau hancur di zaman Perang Dunia Kedua, iaitu negara Jepun, hari ini maju semaju-majunya. Mereka dapat menguasai ekonomi dan mengedarkan barang-barang perbuatan mereka ke seluruh dunia termasuk barang-barang elektronik mereka dan berbagai-bagi lagi, tetapi mereka tidak menggunakan bahasa lain daripada bahasa mereka. Mereka menggunakan bahasa Jepun, tidak menggunakan bahasa Inggeris, tidak menggunakan bahasa German tetapi mereka boleh mencipta kemajuan demi kemajuan sebagai sebuah negara yang telah dapat menguasai ekonomi, mengedarkan barang-barang buatan mereka. Ini contoh, kerana dengan kemahanan dan hasrat kita untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan ini

benar—benar berfungsi terletak kepada kita semua, kitalah yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Tetapi apa yang kadang-kadang kita agak ralat, kurang senang ialah isu bahasa iui dijadikan isu politik, digunakan oleh parti-parti politik untuk mencari pengaruh sebagai wira, sebagai pejuang kepada kaum-kaum mereka. Inilah yang paling kita sedihkan, sedangkan hasrat kita dahulu semasa kita merangka Perlembagaan negara kita, kita memandang, kita melihat bahawa negara ini adalah negara yang unik sekali di mana didiami oleh berbagai bangsa, berbagai budaya dan berbagai bahasa. Dan untuk menjadikan satu bangsa yang, kuat dan dapat kita kukuhkan ialah melalui satu bahasa yang kita gunakan di semua peringkat, bukan sahaja di peringkat sekolah tetapi di semua peringkat.

Jadi, saya berharap dengan selesainya masalah bahasa ini, isu bahasa ini tidak akan lagi diselewengkan atau dijadikan itu yang boleh menimbulkan ketegangan antara kaum atau berbagai-bagai perkara yang saya sebutkan tadi untuk menjadi pejuang, wira dan sebagainya sedangkan kita mengalami keadaan yang tidak baik.

Saya terlibat baru-baru ini dalam rombongan kumpulan Senator yang terperangkap di Manila, dalam rombongan yang melawat negara-negara ASEAN dan kita dapat melihat bagaimana mereka bangga dengan bahasa mereka dan mereka tidak sepatah pun menggunakan bahasa yang dipinjam dari bahasa orang lain.

Mereka menggunakan bahasa mereka, kita faham apa yang dikatakan mereka dan mereka bangga, tetapi kadang-kadang kita sebagai rakyat ini tidak bangga dengan bahasa kita seolah-olah kalau kita tidak, mencampurkan satu dua perkataan Inggeris dalam kita berbual hari-hari kita tidak intelektual - tidak orang pandai, tidak orang cerdik.

Kita berborak di kedai kopi, di kantin atau di mana-mana bercakap mesti selitkan satu dua Bahasa Inggeris - baru orang itu ada standard. Betul atau tidak Tuan Yang di-Pertua? Betul bukan. Apakah ini ukuran intelektual, apakah ini ukuran pemimpin, apakah ini ukuran orang yang pandai?.....

Saya pernah menghadiri satu mesyuarat di negeri Jepun. Pemimpin itu fasih Bahasa Inggeris, kelulusannya dari Amerika, tetapi dalam ucapan rasminya dan ucapan, perbualannya satu patah Bahasa Inggeris pun tidak dipakai. Mereka menggunakan Bahasa Jepun. Kalau kita pergi ke Indonesia, demikian juga pemimpin-pemimpin Indonesia itu pandai Bahasa Inggeris, pandai Bahasa Belanda dan pandai Bahasa Jerman, tetapi mereka tidak akan menggunakan bahasa itu kerana pada pendapat mereka itu bukan bahasa mereka, tetapi kita di sini berlainan, kita mesti menghantar anak-anak kita semua **ber-sekolah** ke London - supaya pandai Bahasa Inggeris.

Memang saya mengakui Bahasa Inggeris penting, bahasa yang dapat kita menuntut ilmu. Kepada saya Bahasa Inggeris sebagai pasport untuk berjalan ke seluruh dunia saya mengakui, tetapi kita tidak boleh berbangga menjadikan ukuran bahawa Bahasa Inggeris itu bahasa yang mendaulatkan kita sedangkan Bahasa Malaysia yang telah

kita wujudkan dan yang telah kita belanjakan wang dengan begitu banyak untuk melahirkan sekolah-sekolah kita melalui bahasa ini seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang kita arahkan mengeluarkan buku-buku rujukan yang banyak, tidak kurang, hanya yang tidak ada ialah minat, yang tidak ada hanya kemahuan, yang tidak ada hanya perasaan tanggungjawab kepada mendaulatkan bahasa itu.

Orang lain tidak akan mendaulatkan bahasa ibunda kita, orang lain tidak akan mendaulatkan bahasa negara kita kalau kita tidak mendaulatkannya sendiri. Ini yang amat penting, tetapi hari ini setelah tiga puluh tahun kita merdeka, minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sebagai orang kampung pergi ke pejabat bercakap Melayu, tidak dapat layanan - kurang dapat layanan, tetapi kalau selitkan kita bercakap orang putih, sedikit Inggeris, kita dapat layanan. Sikap ini harus dikikis. Sikap ini harus dibuang supaya benar-benar bahasa ini dapat digunakan. Ini meliputi semua peringkat bukan sahaja peringkat rakyat, termasuk peringkat yang paling atas.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benar-benar mahu menonjolkan dan mendaulatkan bahasa ini kita meniru negara-negara lain. Walau apa pun perjumpaan atau persidangan di mana kita akan merasmikan persidangan itu, saya harap walaupun ada orang-orang bukan Melayu, walau ada orang-orang bukan orang Malaysia seharusnya persidangan itu dirasmikan dengan Bahasa Kebangsaan. Biar orang lain pakai 'earphone' dengar translation macam kita menghadiri persidangan di luar negeri - mereka bercakap orang putih tetapi ada translation dan kita tahu.

Inilah cara kita mendaulatkan bahasa. Ini harus langkah-langkah yang diambil oleh semua peringkat dalam mendaulatkan bahasa.

Kita adakan Universiti-universiti dengan banyak, kita berbincang hari-hari soal mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, soal mendaulatkan Bahasa Malaysia. Hari ini kita dengar ada bahasa baku dan lain-lain lagi yang telah diusahakan untuk membetulkan sebutan bahasa itu tetapi ada orang menganggap sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia bukan sahaja bahasa harian bukan sahaja bahaaa pertuturan, tetapi hari ini Bahasa Kebangsaan telah menjadi bahasa ilmu yang boleh mendapatkan kelulusan diakui. Jangan salah menganggapkan bahawa bahasa kita bahasa ke belakang - tidak dapat digunakan, tetapi hari ini bahasa Ini boleh dan telahpun digunakan untuk bahasa ilmu pengetahuan.

Tiga puluh tahun satu masa yang paling panjang, yang paling lama kalau seorang dewasa **hari ini**, seorang belia kalau tiga puluh tahun, kalau dia berkahwin semasa berumur dua puluh lima tahun, dia sudah beranak empat atau lima, tetapi hari inilah baru kita hendak mendaulatkan benar-benar bahasa itu di mahkamah. Dahulu kita ada menimbangkan cara hendak beri keadilan dan sebagainya. Itu pun ada kelonggaran lagi. Kalau kita baca dalam Bahagian lapan **ini**, ada kelonggaran lain diberi.

'...fasal 2 meminda Seksyen 8, Akta bagi memperuntukan sebagai suatu kaedah am bahawa segala proceedings mahkamah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan, Walau bagaimanapun, mahkamah boleh demi kepentingan keadilan, memerintahkan supaya proceedings dijalankan sebahagian dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam Bahasa Inggeris atau kesemuanya.

Ini yang tidak kurang senang saya dengar atau kesemuanya dalam Bahasa Inggeris. Kurang senang juga saya mendengarnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan Dewan ini selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.06 petang**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]****Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Dato' Haji Zakaria bin Haji

Yahaya.

6.06 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Dewan tadi ditangguhkan saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman bahawa perkataan "atau kesemuanya" dalam bahasa Inggeris itu telah pun dipotong. Jadi, saya berasa begitu puas hati bahawa Akta ini menggunakan sepenuh-penuhnya Bahasa Kebangsaan dalam bahagian-bahagian tertentu sahaja untuk mencari keadilan digunakan Bahasa Inggeris.

Masa saya bercakap tadi, saya sedang bercerita tentang lawatan rombongan Ahli-ahli Senate ke negara-negara ASEAN yang belum sempat saya habiskan, Dewan ini ditangguhkan. Dalam lawatan tersebut saya dan kawan-kawan saya sependapat bahawa Malaysia ini merupakan sebuah negara, kalau tidak dikatakan syurga tetapi hampir-hampir keadaannya demikian. Kerana negara kita inilah sebuah negara yang aman tentaram, malah kita jarang-jarang dengar bunyi tembakan, kalau ada tembakan pun tembakan penyamun atau perompak. Kita tidak menengok banyak orang yang tidur di kaki lima atau pun di bawah pokok atau tidak berumah langsung. Kita belum tengok orang minta sedekah sambil menggunakan anak-anak menangis di tepi jalan tidak ada tempat perlindungan dan berbagai-bagi lagi. Negara kita ini negara yang penuh nikmat. Kita boleh dapat apa sahaja dan kita boleh berusaha. Kalau kita dengar ada banyak orang tidak bekerja, tetapi mereka

tidak mahu bekerja bukan tidak ada kerja. Tetapi di negara-negara lain itu tidak ada kerja yang boleh mereka dapat berbanding dengan negara kita. Rakyat kita yang paling manilih kerja, bukan tidak ada kerja. Di dapati beribu-ribu orang tidak bekerja di negara-negara lain, tidak terdapat di negara kita. Tetapi dengan isu-isu yang digunakan lebih-lebih lagi oleh parti-parti pembangkang seolah negara kita ini negara yang paling buruk, yang paling tidak baik. Dan ada anak-anak mula kita yang terikut-ikut dengan tindakan-tindakan atau pun kempen-kempen parti pembangkang ini.

Demikian juga dengan isu Bahasa Kebangsaan yang tidak patut timbul dijadikan **isu**, tetapi parti-parti Pembangkang menggunakan isu ini sebagai 'political stunt' mereka. Tiap-tiap kali apabila hendak diadakan pilihanraya atau pilihanraya kecil, bahasa ini digunakan sebagai isu untuk memancing undi, menegakkan ketokohan mereka dan terikut-ikut oleh orang lain, sedangkan kita cukup berusaha untuk menjaminkan negara kita ini aman, damai, makmur dan sebagainya.

Kemajuan pembangunan negara kita selama 32 tahun mengagumkan dan dikagumi oleh negara-negara lain tetapi rakyat Malaysia jarang-jarang benar berterima kasih dan tidak pandai bersyukur. Inilah yang menyesalkan kita sebagai melihatkan kedudukan perkara ini. Ada-ada sahaja masalah yang ditimbulkan, ada-ada sahaja isu yang dibangkitkan. Kita berusaha untuk membangunkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatupadu, yang bijak, yang pandai tetapi kita selalu berjalan di atas ranjau, atas booby-trap yang dipasang oleh mereka yang anti kepada kemajuan.

Begitu juga dengan penggunaan bahasa. Ada banyak kawan-kawan yang mengakui tetapi tidak mahu mengamalkan. Seperti saya katakan tadi, malah menjadi ukuran, kalau orang itu tidak pandai berbahasa Inggeris, orang itu tidak bijak, tidak pandai tetapi orang Jepun boleh membuat berbagai-bagai dengan bahasa Jepun. Hari ini televisyen yang paling baik ialah buatan Jepun, kamera yang paling baik di dunia ialah buatan Jepun. Mereka tidak menggunakan bahasa Inggeris, tetapi kita mesti menggunakan bahasa Inggeris. Inilah satu kesilapan kepada kita,

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mendirikan satu bangsa yang kuat dan kagum lagi dikagumi dan kita telah sampai ke arah itu. Dengan Persidangan CHOGM di Kuala Lumpur baru-baru ini, orang kenal Malaysia, orang kenal pemimpin Malaysia, tetapi segolongan lain yang mahu membunuh Malaysia, yang mahu menjatuhkan pemimpin dan menjadikan negara ini huru-hara. Ini yang sedang berlaku pada hari ini sedangkan kita semua adalah menikmati hidup yang paling baik di negara ini. Kita boleh tidur dengan nyenyak, tidak ada orang mengganggu kita.

Kami berada di Pusat Perniagaan Makati di Manila semasa rampasankuasa - coup d' etat baru-baru ini. Untuk makluman Dewan ini tembakan yang berlaku seolah-olah menyambut Tahun Baru Cina, tidak berhenti-henti, begitulah bunyi tembakan yang berlaku di tempat itu. Kita belum pernah menghadapi keadaan ini. Apakah kita mahu berlaku demikian dengan tindakan-tindakan kita yang boleh menghuru-harakan negara ini. Ini persoalan yang paling penting kepada setiap rakyat hari ini lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin negara ini yang bertindak di luar menggugat perpaduan, ketokohan dan keangkuhan negara kita ini.

Saya harapkan kepada kawan-kawan dari parti-parti komponen yang lain, bahasa Malaysia adalah bahasa kita. Baru-baru ini ada cogan-kata yang berbunyi "Cintai Bahasa Kita". Bahasa kita itu apa? Ia adalah bahasa Kebangsaan, bahasa Malaysia itu bahasa kita yang akan kita daulatkan yang kita agung-agungkan, yang kita jadikan bahasa ilmu dan pertuturan di rantau ini oleh setiap rakyat. Ini harapan kita dan dengan tindakan Akta ini saya berharap semua rakyat akan

menyokongnya termasuklah kawan-kawan kita sekalian dan saya berhasa juga isu ini tidak akan dijadikan isu yang boleh merenggangkan dijadikan isu politik dan sebagainya.

Saya berharap juga kepada Dewan Bahasa di Pustaka, kepada badan-badan Kehakiman akan lebih banyak lagi mengeluarkan Jurnal Undang-undang yang akan diikuti oleh rakyat apa yang berlaku di mahkamah yang dapat diikuti oleh rakyat sebagai satu Journal Undang-undang yang dapat disebarluaskan kepada rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, suara saya ini belum baik lagi kerana keadaan yang saya sebutkan tadi. Saya menang seorang peminat bahasa sejak mula mencapai kemerdekaan sehingga ke hari **ini**, kerana saya sedar sendiri bahawa semasa kita menrangka dahulu, semasa negara ini mula-mula mencapai kemerdekaan, kita dapati susah untuk mencari jalan bagaimanakah cara untuk mencari atau bahasa bagi Malaysia. Pada masa itu semua parti yang berada di bawah Perikatan termasuklah UMNO, MCA, MIC telah bersetuju bahawa bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Negara. Persetujuan ini dicapai sebelum kita mencapai kemerdekaan lagi dan yang mempertikaikan hari ini ialah segolongan atau segelintir manusia yang ada di negara ini. Kita kurang puashati, kita tidak sedap hati di atas perkara ini. Inilah usaha untuk menyatupadukan bangsa kita di negara ini yang didiami oleh berbagai-bagai kaum, berbagai bangsa dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, suara saya tidak membentarkan saya bercakap lagi. Kalau saya bercakap panjang saya rasa suara ini terasa serak sangat, jadi saya sendiri sekali lagi menyokong sepenuhnya Akta ini terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman

5.15 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong usul yang telah dibawa iaitu suatu Rang Undang-undang yang telah dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu suatu Akta Bahasa Kebangsaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (1967). Saya menyokong penuh, memang sudah sampai masanya dan sepatutnya pada tahun 1967 lagi Rang Undang-undang ini patut diwujudkan dan dimajukan di dalam Dewan Negara ini. Tetapi oleh kerana atas dasar bertimbangrasa kerajaan yang memerintah pada hari ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang disokong oleh semua parti komponen yang mempunyai pemikiran yang waras terdiri daripada parti-parti yang benar-benar cintakan kedamaian dan benar-benar mahukan satu keadaan negara yang matang daripada semua kaum iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India betul-betul menunjukkan satu negara yang bersatupadu dan mencintai satu bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan.

Saya harap selepas saya berucap ini saya minta semua Ahli Dewan Negara ini kalau boleh, terutamanya daripada parti-parti komponen urut berucap dan mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang bermula suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (1967) kerana kita sebagai Ahli Dewan Negara, Sebagai Dewan yang tertinggi dalam negara kita dan saya percaya semua Ahli-ahli Dewan yang dilantik yang berada di dalam Dewan ini

adalah merupakan Ahli-ahli setelah ditapis mahupun dari segi tugasnya kepada masyarakat, dari segi rekodnya, dari segi apa juga bentuk, memang terdapat daripada golongan mereka yang dianggap, dengan izin, first class, excellent. Maka itu sebabnya kita sanua berada di dalam Dewan yang mulia ini iaitu Dewan yang terpilih.

Oleh itu setelah kita berada di Dewan yang mulia ini maka kita harus menunjukkan satu contoh, terutamanya pada saat-saat ini di mana Dewan yang sebelah lagi, iaitu Dewan Rakyat sedang bersidang. Sudah barang tentu dengan peranan yang kita mainkan sekurang-kurangnya di dalam membahaskan Bahasa Kebangsaan ini, apabila semua parti komponen mahupun ia daripada UMNO, MCA, MIC, GERAKAN dan juga parti-parti yang lain yang mendokong Kerajaan Barisan Nasional ini semuanya turut mengambil bahagian bercakap dan menyokong Akta Bahasa Kebangsaan ini.

Maka ianya menjadi satu teladan kepada Pembangkang yang sedang senantiasa mencari jalan untuk menghuru-harakan keadaan negara dan senantiasa mencari jalan untuk mempengaruhi rakyat jelata di dalam pengaruh-pengaruh yang boleh menimbulkan keadaan yang kurang senang di dalam negara. Jadi, saya berharap sangat, Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga bersetuju apa yang disebutkan oleh rakan saya tadi, Yang Berhormat Dato' Zakaria Yahya apabila kita membuat perbandingan dengan negara-negara lain, kalau kita hendak katakan negara Malaysia ini seolah-olah macam syurga mungkin ianya itu satu perkara yang sudah jauh sangat perbandingannya kerana syurga tidak dapat kita nilaikan.

Kalau sudah semua rakyat tahu ini benar-benar syurga, tidak ada rakyat akan duduk dalam Parti Pembangkang. Tetapi oleh kerana ianya seakan-akan menunjukkan ke arah kebahagiaan seolah-olah macam berada di dalam syurga dunia. Maka kita harus bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih apabila kita membuat perbandingan dengan negara-negara lain; terutamanya dalam masalah keharmonian, dalam masalah kedamaian, dalam masalah keselamatan, amat jauh sekali kalau dibezaikan dengan negara-negara lain. Tidak usah kita pergi jauh. Kita pergi ke sebelah utara, di sebelah Thailand, pergi ke sebelah Philippines, amat jauh sekali kehidupan rakyat di negara sana dengan negara kita, Ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t. senantiasa melindungi negara kita daripada malapetaka. Walaupun ada dajal-dajal yang senantiasa mencari jalan untuk menghancur-leburkan keadaan negara kita, tetapi Allah s.w.t. masih sayang kan kepada negara kita apabila disemak daripada 100% majoriti yang mahukan negara ini dalam keadaan damai, aman dan cintakan kepada keharmonian. Maka itu sebabnya Allah s.w.t. sentiasa menyelamatkan

negara kita. Kalau kita membezakan banyak perkara-perkara lain umpamanya gempa bumi, umpamanya banjir, kalau dibezakan dengan negara-negara lain, kalau ia berlakupun ianya tidaklah menjelaskan begitu buruk sekali keadaan negara.

Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyedari hakikat **ini**, maka saya percaya dan saya berharap kita kembalilah kepada sejarah bagaimana kita mula-mula begitu bergembira untuk hendak menyambut kemerdekaan dan sama-sama kita menyetujui Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi kepada negara kita. Saya percaya, mungkin oleh kerana dengan adanya parti-parti macam cendawan tumbuh yang ada dalam negara kita ini dan di dalam parti-parti ini pula ada yang memainkan peranan untuk sentiasa memutarbelitkan keadaan membawa pengaruh-pengaruh yang boleh mengelirukan rakyat jelata, supaya tidak menyokong apa jua sebarang Akta yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk faedah negara, untuk kepentingan negara, rakyat yang mempunyai fikiran waras harus menyedari jika berlaku perbuatan ini kerana ini tidak lain tidak bukan adalah kerana masing-masing mahu mencari pengaruh politik. Tetapi pada kita sudah menjadi kenyataan di hadapan mata kita sendiri bahawa Kerajaan yang memerintah sekarang-lah benar-benar merupakan Kerajaan yang betul-betul menjamin keselamatan negara, menjamin keselamatan rakyat dan apabila Kerajaan membawa apa jua sebarang Rang Undang-undang adalah merupakan Rang Undang-undang itu setelah difikirkan dengan masak-masaknya untuk dijadikan Rang Undang-undang supaya rakyat jelata dapat menggunakan ny sebagai panduan kita hidup di dalam sebuah negara yang berdemokrasi dan Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya paling hairan sikap Pembangkang terutamanya di dalam membahaskan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan

(Pindaan) ini di-dalam Dawan Rakyat yang mana tektik-tektik mereka apabila mereka berhadapan dengan rakyat yang difikirkan golongan rakyat majoriti inginkan Bahasa Kebangsaan ini benar-benar menjadi bahasa rasmi, mereka juga turut kononya seolah-olah menyokong. Tetapi apabila mereka bercakap di dalam Dewan Rakyat, mereka menjadi 'hero' menentang berhabis-habisan dan mereka lupa apabila mereka mengangkat sumpah menjadi Ahli Parlimen mahupun ianya sebagai Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara mengaku taat setia dan berikrar menjaga Perlembagaan negara yang mana Bahasa Kebangsaan ini telah tercatat dalam Perlembagaan negara sebagai salah satu perkara yang mesti kita patuhi. Tetapi apabila kita sudah melakukan satu perkara yang dengan sendirinya sudah melanggar apakah ikrar kita, apakah sunpah kita di hadapan Tuan Yang di-Pertua ketika kita dilantik mahupun menjadi Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, maka ianya seolah-olah kata bahasa pasaran "cakap tak ada serupa bikin". Saya berharap sangatlah pada hari ini mungkin merupakan satu hari, dengan izin, 'testing' ataupun percubaan kepada kita semua sebagai Ahli Dewan Negara.

Saya percaya yang ada di sebelah sini dan di sebelah sana bukan semuanya pegawai Kerajaan, mungkin adalah pemerhati-pemerhati yang ingin melihat suasana perbezaan di dalam membahaskan Rang Undang-undang Bahaaa Ke bangsaan ini antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara. Kalau kita kedengaran suara-suara sumbang di Dewan Rakyat, kita tidak menjadi hairan kerana masih ada terdapat golongan yang ingin mencari publistti untuk menegakkan kononnya partinya ialah sebenar-benarnya hero, dapat mematah, dapat menindas, dapat menghalang apa juga bentuk Rang Undang-undang yang dibawa oleh Kerajaan. Dia tidak fikir, walaupun Rang Undang-undang itu sama ada baik

ataupun tidak baik, tetapi kita jarang-jarang bawa undang-undang yang tidak baik kepada rakyat. Malahan Kerajaan begitu teliti di dalam menentukan sebarang Rang Undang-undang hendak dibawa di dalam Parlimen supaya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga hari ini nampaknya kita dengar Dewan sebelah tangguh sampai 2, 3 kali kerana atas perbuatan dari-pada Parti Pembangkang yang senantiasa hendak mendatangkan huru-hara hendak menunjukkan teladan biadap, teladan kurang ajar, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, [Tepuk] kepada pemerhati-pemerhati yang menyokong mereka datang kononnya, "kami berani", tetapi mereka lupa demokrasi yang ditunjukkan dalam negara kita ini adalah merupakan demokrasi yang cantik, walaupun mereka berdiri macam mana menunjukkan tangan begitu sekali menentang Dato' Speaker, menentang, Tuan Speaker, tetapi belum ada satu kelakuan yang kasar yang dilakukan: oleh pihak penyokong Kerajaan terhadap Pembangkang. Tetapi jangan ianya selalu diulang-ulang. Saya ingin nasihatkan kepada Pembangkang, kalau Pembangkang tahu marah, kami juga manusia, kami pun tahu marah. Jangan diulang-ulang. Kalau hendak mari ke dalam Dewan, bercakap mewakili rakyat, bercakap benda-benda yang benar. Jangan dalam Dewan bercakap benda lain tetapi bila berhadapan dengan rakyat bercakap benda lain. Ini satu perbuatan politik pada saya minta izin, boleh saya anggap sebagai politik penipuan untuk mendapatkan kuasa.

Kita minta kepada Allah s.w.t. jauhilah mereka ini daripada menjadi panimpin untuk memerintah dalam negara kita ini. Kalau-lah direstui oleh Allah s.w.t., saya percaya negara kita akan menjadi sebuah negara yang senantiasa menghadapi huru-hara dan rakyat tidak akan hidup dalam keadaan aman.

Saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, asyik tengok jam sahaja. Sudah cukupkah masa? Kalau hendak tangguh, sila tangguhkanlah. Saya boleh sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup dan Yang Berhormat boleh sambung esok. Maka dengan ini, saya tangguhkan persidangan Dewan ini sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

